



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
DATO' SHAH BANDAR HAJI ALI BIN NAAM, ANS, PMC:
BAGI SUKU BIDUANDA DI DAERAH JEMPOL**

**SITI NUR AMIRAH BINTI MD YASIN
(2016652858)**

**NUR HIDAYAH BINTI ABD AZIZ
(2016652912)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
SEMESTER SEPTEMBER 2017 - JANUARI 2018**

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	ABSTRAK	1
2.	PENGHARGAAN	2-3
3.	SINGKATAN	
	▪ Senarai Singkatan	4
	▪ Rujukan Kata	5-6
	▪ Rujukan Perkataan	7
	▪ Singkatan Nama	8
4.	BIODATA	
	BIODATA PENEMU BUAL	
	▪ Biodata Penemu Bual pertama	9
	▪ Biodata Penemu Bual kedua	10
	BIODATA TOKOH	
	▪ Biodata Tokoh	11
5.	Pengenalan	12-14
6.	KAJIAN LITERATUR	
	Pengenalan	
	a. Objektif Kajian	15
	b. Penyataan Masalah	

c. Kaedah Pelaksanaan Sejarah Lisan	16
7. ULASAN LITERATUR	
▪ Sejarah Jempol dan Kaitannya dengan Adat Perpatih	17
▪ Peranan Lembaga dan Kerelevenan Adat Perpatih	18
8. TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH	19-52
9. LOG TEMU BUAL	53-60
10. RALAT	61
11. GLOSARI	62-66
12. KESIMPULAN	67
13. RUJUKAN	68
14. INDEKS	69-72
15. LAMPIRAN	
▪ Biodata Tokoh	73
▪ Surat Perjanjian	74
▪ Senarai Soalan	75-78
▪ Diari Penyelidikan	79-86
▪ Gambar dan sijil	87-96

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip Temu Bual Bersama Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam, ANS, PMC: Adat Perpatih Bagi Suku Biduanda di Daerah Jempol.

Siti Nur Amirah Binti Md Yasin & Nur Hidayah Binti Abd Aziz

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Kampus Sungai Petani
Merbok, Kedah

sitinuramirahmdyasin@gmail.com & anakmanje92@yahoo.com

Abstrak: *Haji Ali Bin Naam merupakan salah seorang Dato' Lembaga dengan menyandang gelaran Dato' Shah Bandar bagi Suku Biduanda di daerah Jempol. Beliau berasal dari Kampung Tebat Batu Kikir, Negeri Sembilan dan mula memegang jawatan sebagai Dato' Lembaga sejak tahun 1984. Artikel ini mengandungi sejarah Jempol dan kaitannya dengan kedatangan Adat Perpatih serta mempunyai beberapa subtajuk di bawah Lembaga di dalam Adat Perpatih yang mana menyentuh tentang peranan, pelantikan, elaun, perkahwinan, harta pusaka dan tanah adat. Kerelevanan Adat Perpatih untuk diamalkan pada masa kini dan cabaran yang dihadapi oleh Dato' Haji Ali juga diterangkan.*

Kata Kunci: Haji Ali Bin Naam, Dato' Shah Bandar, Dato' Lembaga, Adat Perpatih, Suku Biduanda, Sejarah Jempol.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah, kami ingin mengucapkan rasa bersyukur kepada Allah S.W.T dan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan tugas yang diberikan ini tepat pada waktunya.

Penghargaan disimpulkan kepada Universiti Teknologi MARA, Kedah kerana memberikan kami peluang untuk menerokai dan merasai pengalaman dalam melakukan temu ramah berkaitan Sejarah Adat Perpatih dan peranan Dato' Lembaga. Banyak perkara yang kami dapat pelajari melalui tugas ini. Penghargaan ini juga diberikan kepada pensyarah mata pelajaran IMR 604 Dokumentasi Sejarah Lisan Dr. Azree Bin Ahmad kerana sentiasa memberikan tunjuk ajar, pendapat, komen- komen yang membina sehingga lengkap tugas ini. Usaha dan ideanya amat kami hargai dan bernilai dalam menjayakan tugas ini.

Jutaan terima kasih kami berikan kepada Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam selaku Dato' Lembaga di dalam Adat Perpatih bagi Suku Biduanda kerana sudi meluangkan masa dan memberikan komitmen yang tinggi kepada kami untuk melengkapkan penyelidikan ini. Beliau merupakan seorang yang berbesar hati untuk berkongsi maklumat dan pengalaman beliau dalam memelihara Adat Perpatih daripada ditelan arus pemodenan.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan diberikan kepada kedua ibu bapa kami guru-guru kami kerana memberikan semangat dan kata- kata motivasi dalam menjayakan tugas ini. Selain itu juga, terima kasih atas ilmu yang telah dicurahkan selama ini kerana dapat diaplikasikan dalam tugas kali ini. Sesungguhnya ilmu yang diberi tidak dibazirkan begitu sahaja. Penghargaan juga didedikasikan kepada rakan sekumpulan kerana sanggup berkorban dari segi tenaga, wang , idea dan segala-galanya demi membantu kelancaran dalam melakukan tugas ini; kepada rakan seperjuangan terima kasih kerana anda semua mampu memberikan idea dan kritikan yang membina. Terima kasih juga kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

Akhir kata, kami berharap agar penyelidikan ini dapat dijadikan platform untuk membuat rujukan tambahan yang berguna untuk para pembaca, penyelidik dan generasi akan datang. Selain itu, kami juga berharap semoga kita bersama- sama memelihara adat yang diwariskan kepada kita supaya ia *tak lekang dek panas tak luput dek hujan* kerana adat menunjukkan identiti kita. Bahawasanya Adat Perpatih ini untuk rujukan dan tatapan waris Negeri Sembilan khasnya dan negeri-negeri lain amnya.

Sekian terima kasih.

SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

RINGKASAN	MAKSUD
DID	<i>Desinaring Ingeneering Department (Department of Irrigation and Drainage)</i>
D.O	<i>District Officer</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
YDPB	Yang Di- Pertuan Besar

RUJUKAN KATA

PERKATAAN	MAKSUD
Ambik	Ambil
Amo	Dengan
Anu	Perkara
Ape	Apa
Bawak	Bawa
Bona	Sangat
Bosar	Besar
Cacat cido	Cacat cela
Dah	Sudah
Daki	mendaki
Deh	Dia
Dek	Oleh / pada
Dek kerana	Kerana
Den	Aku/ saya
Dihobin	Pukul
Dopan	Depan
Dulu	Dahulu
Ea / eh	Nya
Elok- elok	Baik – baik
Godang	Besar
Haah / hah	Ya
Kali	Sekali
Kat	Dekat / pada
Kecik	Kecil
Kendian	Kemudian

PERKATAAN	MAKSUD
Kerumun	Bergaul
Koba	Kata / mengata
Kot	Kalau / sebab
Laei	Lagi
Laki – laki	Lelaki
Lanpam	Rata
Lepas tu	Selepas itu
Marin	Dahulu
Mata bonih	Mata benih
Mo / amo	Dengan
Monung	Termenung
Mudik	Belayar
Nak	Hendak
Narik	Menarik
Ni / nia	Ini
Nengok	Tengok
Ngikut	Mengikut
Numpang	Menumpang
Nun / sanun	Sana
Nolak	Tolak / menolak
Nyonyeh	Cedera
Ongah	Angah / Pak ngah
Okay	Baiklah
Paras	Setakat
Pemaleh	Pemalas

PERKATAAN	MAKSUD
Poie	Pergi
Saja / je	Sahaja
Sapa	Siapa
Sok	Esok / Nanti
Sorang	Seorang
Tak	Tidak
Tak tahu	Tidak tahu
Tak yah	Tidak perlu
Tak do doh yo	Tidak ada ya
Takpolah	Tidak mengapa
Tiado	Tiada
Tok	Dato'
Tu	Itu
Waghieh	Waris
Ye / yo	Ya

RUJUKAN PERKATAAN

PERKATAAN	MAKSUD
<i>Complain</i>	Mengadu/ aduan
<i>Department</i>	Jabatan
<i>Discuss</i>	Bincang
<i>District Officer</i>	Pegawai Daerah
<i>Drainage</i>	Saliran
<i>Estates</i>	Ladang
<i>History</i>	Sejarah
<i>Irrigation</i>	Pengairan
<i>National</i>	Kebangsaan
<i>Organization</i>	Pertubuhan

SINGKATAN NAMA

SINGKATAN NAMA	NAMA PENUH
SNA	SITI NUR AMIRAH BINTI MD YASIN
NHA	NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ
DHA	DATO' HAJI ALI BIN NAAM

BIODATA

BIODATA PENEMU BUAL

BIODATA PENEMU BUAL PERTAMA



NAMA	SITI NUR AMIRAH BINTI MD YASIN
NO. PELAJAR	2016652858
PROGRAM	IM244
FAKULTI	PENGURUSAN MAKLUMAT
KAMPUS	SUNGAI PETANI, KEDAH
EMAIL	
ALAMAT	

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



NAMA	NUR HIDAYAH BINTI ABD AZIZ
NO. PELAJAR	2016652912
PROGRAM	IM244
FAKULTI	PENGURUSAN MAKLUMAT
KAMPUS	SUNGAI PETANI, KEDAH
EMAIL	
ALAMAT	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA PENUH	DATO' SHAHBANDAR HJ. ALI BIN NAAM
TARIKH LAHIR	01 OGOS 1939
UMUR	78 TAHUN
TEMPAT LAHIR	KAMPUNG TEBAT, BATU KIKIR
JAWATAN	DATO' LEMBAGA UNDANG LUAK JEMPOL

PENGENALAN

PENGENALAN

Kajian ini dilakukan oleh Siti Nur Amirah Binti Md Yasin dan Nur Hidayah Binti Abd Aziz di bawah bimbingan Dr. Azree Bin Ahmad merupakan pensyarah bagi mata pelajaran IMR 604 Dokumentasi Sejarah Lisan. Transkrip temu bual bersama Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam ini telah dijalankan pada 14/10/2017 dan 11/11/2017 bertempat di kediaman beliau di Kampung Kuala Sialang, Negeri Sembilan. Tujuan temu bual ini dijalankan adalah mengenai sedikit latar belakang beliau, sejarah kedatangan Adat Perpatih dan peranan serta usaha beliau sebagai Lembaga dalam pentadbiran Adat Perpatih. Temu bual ini berlangsung selama 21 minit 37 saat untuk temu bual kali pertama dan 1 jam 30 minit bagi temu bual kali ke dua. Maka dengan itu, jumlah kedua-dua masa temu bual yang dijalankan oleh kami ialah 1 Jam 52 minit.

Seterusnya mengenai Dato' Shah Bandar. Dato' Shah Bandar merupakan gelaran kepada Dato' Lembaga di dalam Adat Perpatih. Gelaran ini merujuk kepada Dato' Haji Ali Bin Naam yang menyandang gelaran Dato' Lembaga Ulu Luak Jempol bagi Suku Biduanda. Beliau merupakan cahaya mata kepada pasangan Acik Binti Abd. Rashid dan Naam Bin Tahid.

Anak bongsu daripada empat orang adik-beradik ini dilahirkan di Kampung Tebat, Batu Kikir dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jempol, Kuala Jempol dan Sekolah Kebangsaan Serting Hilir. Setelah itu, beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1962 bersama Zaharah Binti Mat Isar yang kini berumur 72 tahun. Melalui perkongsian hidup dengan isterinya, mereka dikurniakan 12 orang cahaya mata (6 orang lelaki dan 6 orang perempuan).

Tokoh yang dibesarkan di Kampung Kuala Jempol. Cacar memulakan pekerjaan sebagai pekerja bawahan setelah tamat persekolahan dari sekolah rendah; Antaranya pekerjaannya ialah:

a. Bekerja di Ladang getah milik orang putih.

b. Malay Rompin Estates dan

c. Kalting Estates.

Setelah berhenti daripada melakukan pekerjaan ini, Dato' Haji Ali menceburkan diri dalam bidang kerajaan dan bekerja sendiri. Antaranya pekerjaannya ialah:

a. Jabatan Pengaliran dan Saliran,

b. Kerani di Lengong Ulu Estates sehingga ladang ini dijual,

c. Juru Ukur,

d. Berniaga di kedai runcit,

e. Menjadi guru bagi Kelas Perpaduan Rakyat selama lebih kurang 10 tahun,

f. Pegawai Penerangan Khas, Daerah Jempol bagi Kawasan DUN Serting sehingga berumur 55 tahun,

g. Ketua Kampung Kuala Sialang dan Bukit Kelulut,

h. Ketua Mukim di Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA),

i. UMNO Cawangan,

j. UMNO Bahagian,

k. Ahli Persatuan Peladang Jempol,

l. Pengerusi Persatuan Peladang Jempol,

m. Pengerusi Koperasi Serting Tengah dan Batu Kikir Jempol Berhad hampir 15 tahun serta

n. Ketua Unit Peladang Kampung Kuala Sialang, Jempol.

Dato' Haji Ali merupakan orang yang berusaha untuk mengekalkan dan memperkenalkan Adat Perpatih kepada generasi pada hari ini. Perkara ini dapat di lihat melalui usaha- usahanya yang berterusan sejak tahun 1984. Usahanya ini bertujuan supaya Adat Perpatih diterima dan tidak di lupakan anak muda pada masa kini. Antara usaha yang dapat dilihat ialah:

1. Menghadap Raja ketika pemerintahan Tunku Jaafar di istana untuk berbincang mengenai Adat Perpatih.
2. Berusaha meminta izin untuk membukukan berkenaan Adat Perpatih dengan kerjasama professor dari universiti tempatan.
3. Meminta izin untuk membuat satu Majlis Penerangan Adat.
4. Memberi Penerangan ringkas mengenai Adat Perpatih di Perlis
5. Menerangkan dan memberikan ceramah perihal harta pusaka kepada pelajar dan pensyarah dari Universiti Islam Antarabangsa di Pejabat Daerah Jempol

Usaha ini berjaya setelah mendapat perkenan daripada YDPB Negeri Sembilan dan mulai hari itu sedikit sebanyak anak-anak muda ingin mengetahui berkenaan adat Perpatih serta sekali gus memberikan pemahaman kepada mereka.

KAJIAN LITERATUR

KAJIAN LITERATUR

PENGENALAN

a. OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui apa itu Lembaga dan peranannya di dalam Adat Perpatih serta cara pemilihannya.
2. Untuk mengetahui tentang sejarah Jempol dan kedatangan Adat Perpatih.
3. Untuk merungkaikan dan mendapat pencerahan berkenaan harta yang selalu diberikan kepada orang perempuan.
4. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada orang yang terlibat di dalam Adat Perpatih.

b. PERNYATAAN MASALAH

1. Adat Perpatih kurang mendapat perhatian khasnya daripada orang muda di Negeri Sembilan berkenaan adat.
2. Kurang perkongsian maklumat daripada orang yang memegang jawatan dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih.
3. Kurang pemahaman dan pendedahan daripada segi pengamalan Adat Perpatih terutama dari segi perkahwinan, pembahagian harta dan sebagainya.

c. KAEDAH PELAKSANAAN SEJARAH LISAN

Perancangan Temu Bual

Kaedah pelaksanaan sejarah lisan ini dimulai dengan kami mencari maklumat berkaitan Adat Perpatih dan menjumpai nama Haji Ali Bin Naam di dalam penulisan akhbar Sinar Online. Kami membuat keputusan untuk menjadikan beliau sebagai orang rujukan di dalam kajian kami. Selepas itu, kami menelefon beliau dan memberi tahu tujuan untuk menemu ramah beliau dan menetapkan tarikh untuk berjumpa dengannya. Sebelum itu kami merangka soalan yang berkaitan untuk ditanya ketika temu bual berlangsung. Kaedah ini amat penting dalam memastikan kualiti kajian dan hasilnya.

Pelaksanaan Temu bual

Bagi kaedah pelaksanaan pula; kami menggunakan telefon pintar untuk merakam temu bual kami bersama Haji Ali Bin Naam dengan bertanyakan mengenai soalan- soalan yang telah dirangka dan dirancang mengikut kesesuaian.

Tema atau Pilihan Tajuk Temu bual

Kami ada merancang dan menyenaraikan beberapa tajuk dan telah memilih Dato` Shah Bandar Haji Ali Bin Naam untuk di temu bual berkenaan tajuk Adat Perpatih bagi Suku Biduanda di Daerah Jempol. Ia penting ketika proses merangka dan merancang soalan supaya tidak keluar dari topik yang sepatutnya di bincangkan.

ULASAN LITERATUR

ULASAN LITERATUR

Sejarah Jempol dan kaitannya dengan Adat Perpatih

Kajian di mulakan dengan pertanyaan mengenai Sejarah kedatangan Adat Perpatih. Namun; apa yang diperoleh adalah berbeza dengan maklumat yang kami baca sebelum ini. Iaitu mengenai sejarah pembukaan Jempol.

Menurut Rashidi Bin Zainal Abidin di dalam kajiannya iaitu Landskap Budaya di Kampung Kuala Kepis, Bahau Jempol, Negeri Sembilan menyatakan bahawa Tuk Perpatih dan sembilan puaknya yang membuka (meneroka) Negeri Sembilan bersama- sama dengan Batin Maha Kalang dan Batin Sekudai dan mereka inilah yang menjadi penghulu di dalam Negeri Sembilan dan asal usul bangsa orang yang di dalam Negeri Sembilan itu. Menurut kajiannya lagi, pada zaman dahulu; negeri itu beraja ke Johor, berkalike Siak bertuan ke Minangkabau dan berpengkalan ke Melaka.

Akan tetapi menurut kajian yang kami lakukan; berdasarkan penerangan Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam, beliau menyatakan bahawa yang bertanggungjawab membuka, meneroka dan memajukan Jempol dan sesetengah kawasan di dalam Negeri Sembilan iaitu Rembau, Jelai, Jelevu dan banyak lagi adalah Datuk Sempedang. Datuk Sempedang berasal dari negeri Sumatera Barat, Indonesia yang berhijrah bersama- sama sembilan orang saudaranya. Melalui kajian ini juga, kami mendapat penambahan maklumat di mana di dalam akhbar tidak di ulas lanjut mengenai asal usul luak Jempol. Oleh itu, kami meminta beliau menerangkan perkara berkaitan bagaimana penduduk dari Sumatera, Indonesia bermastautin di Negeri Sembilan dan di asingkan mengikut suku masing- masing.

Tambahan lagi, Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam menceritakan bagaimana perjalanan mencari ketua Jempol dilakukan sehingga Dato' Daim diberi gelaran Dato' Lela Putera Sitiawan Penghulu Luak Jempol sehinggalah Dato' Shah Bandar dilantik daripada kalangan orang lelaki sebagai teman berunding, kerana suatu ketika dahulu Dato' Shah Bandar di sandang oleh pihak perempuan. Di sini berlaku perubahan dalam menyandang jawatan sebagai seorang Lembaga.

Peranan Lembaga dan Kerelevenan Adat Perpatih

Peranan lembaga adalah sama bagi setiap luak, tetapi dari segi menjalankan adat istiadat ada perbezaannya yang tersendiri. Namun, Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam mengulas mengenai suku yang di bawah jagaanya dan yang di warisinya. Antara adat yang nyatakan adalah adat berkerjan selepas dilantik menjadi lembaga dan perbicaraan tanah.

Perkara seperti perkahwinan iaitu di mana Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam menerangkan mengenai Risik Nenduai iaitu bagaimana wakil selain daripada ibu bapa pihak lelaki datang bertanyakan tentang anak perempuan yang ingin di kahwini. Proses merisik ini merupakan salah satu cara untuk mengetahui status pihak perempuan itu sudah berpunya atau belum. Harta pusaka juga disentuh di dalam kajian ini; ia adalah Tanah Adat di mana ia merupakan tanah yang dimiliki daripada keturunan nenek moyang daripada generasi terdahulu kepada generasi seterusnya. Tambahan lagi, Tanah Adat ini tidak boleh dijual beli dan ia diuruskan oleh Dato' Lembaga supaya dapat di warisi oleh mereka yang mempunyai hak sebagai pemilik di atas Tanah Adat tersebut. Di dalam kajian ini juga ada menceritakan perbezaan di antara harta bawaan, harta pemberian dan harta sepencarian yang di amalkan di dalam Adat Perpatih.

Kerelevenan juga digariskan untuk mengetahui pendapat daripada Dato' Lembaga adakah Adat Perpatih masih lagi sesuai di amalkan pada masa kini. Anak muda dikatakan masih lagi berminat dengan Adat Perpatih setelah adanya usaha daripada untuk memberikan pemahaman mengenai Adat Perpatih dengan berkunjung ke rumah beliau. Selain itu, beliau juga menyatakan cabaran yang terpaksa di hadapi ketika melaksanakan tugas sebagai Dato' Lembaga iaitu dengan memikirkan cara bagaimana untuk memberi kefahaman kepada orang yang bukan berasal dari Negeri Sembilan. Hal ini kerana, ada segelintir pihak yang mempertikaikan Adat Perpatih, wal hal mereka tidak arif serta tidak memahami tentang perkara tersebut.

Sebagai kesimpulan daripada ulasan ini, kami melihat terdapat keistimewaan dalam pelaksanaan dan amalan Adat Perpatih yang tidak ada pada negeri lain. Kerana, Dato' Lembaga Lembaga memainkan peranan penting sebagai pihak yang di pertanggungjawabkan untuk menjaga kemaslahatan suku mereka. Selain daripada itu, kami mendapat maklumat berkenaan cara pelantikan lembaga dilantik dengan lebih terperinci dalam kajian ini untuk tujuan perkongsian.

TRANSKRIP TEMU BUAL

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA DATO' SHAH BANDAR HAJI ALI BIN
NAAM, ANS, PMC: ADAT PERPATIH BAGI SUKU BIDUANDA DI DAERAH
JEMPOL.**

Nama Pengkisah : Dato' Haji Ali Bin Naam
Nama Penemu bual : Siti Nur Amirah Binti Md Yasin & Nur Hidayah Binti Abdul Aziz.
Tarikh Temu bual : 14 Oktober 2017 & 11 November 2017

Temu bual 14 Oktober 2017

Audio Temu Bual

- DHA : (ketawa) Baik, sebelum benda ni[ini], ni [ini] cerita dulu lah. (bunyi telefon ditekan). Adat Perpatih Negeri Sembilan ni [ini] di daerah Jempol; Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi dan Inas dia ada lako [belaka] Dato' Lembaga eah [nya] tu [itu]. 12 Jempol, 12 Muar, 6 Gunung Pasir, Terachi dan Inas. Dia tak sama, luak lain tapi amal Adat Perpatih. Adat ni [ini] ibarat buah durian tau [tahu] buah durian.
- NHA : Tau [tahu]
- DHA : Buah durian ni [ini] apa dia ber-ruang kan ber-ruang- ruang ada lima ruang kan. Tetiap satu ruang ni [ini] sama ke isi ea [nya]. Tak [tidak] sama kan. Ada lima ulas, ada tiga ulas, ada dua ulas ada seulas ada langsung tak ada [tiada]. Begitulah adat. Contoh Jempol dia tak [tidak] sama dengan Muar, dia Adat Perpatih lain sikit dari segi adat istiadat ea [nya]. Kot [kalau] Dato' Lembaga dulu [dahulu] pencen tiga puluh ringgit contoh. Dato' Lembaga ni [ini] yang kanan ni [ini] (menunjuk gambar) Dato' Lela Raja dia lebih dua ringgit, dua ringgit tiga ringgit lebih ea [nya]. Dan Suku, tau suku, tau, apa suku? Suku mana satu. Atuk nak tanya.
- NHA : Biduanda. (ketawa).
- DHA : Tau [tahu].
- NHA : Biduanda, laie [lagi].
- NHA : Suku apa. Paya Kumbuh.

DHA: Waris Biduanda tu [itu] kita punya (ketawa). Haa [ya] apa dia.

SNA : Yang Paya Kumbuh tu [itu] bukan ea [ke]?

DHA : Haa [ya]. Sebut lah dia sampai dua belas. (bunyi orang ketawa dan bercakap). Tuk [Dato`] nak [hendak] tanya . Apa dia. Tau tak suku. Suku dua belas. Apa Suku dua belas itu [itu].

NHA : Nama- nama tu [itu] tak tau lah [tidak tahu].

DHA : Tak [tidak] tahu.

NHA : Tak [tidak], tak [tidak] tahu lah.

DHA : Tak [tidak] Tahu. Baik. Bila tak [tidak] tahu nanti 'Tuk [Dato`] bagi tahu. Patut tu [itu] dulu [dahulu]. Nombor satu waris Biduanda Pasak.

NHA : Biduanda Pasak.

DHA : Yes [ya]. Waris Biduanda Pasak ni [ini] dia ni [ini] yang jadi Dato` Jempol (menyelak buku) tu [itu] dia. Lepas Biduanda, Tiga Batu. Waris Tiga Batu. Dah ea [ya].

NHA : Haa [ya] dah.

DHA : Lepas [selepas] tu [itu] (batuk dan menyelak buku), Dato` Maharaja Setia. Dah [sudah]. Dato` Setia Pahlawan. Dato` Jangkoy- Jangkayo.

NHA : Jangkayo.

DHA : Haa [ya]. Dato` Setia Raja, Dato` Komo, Dato` Setia Penghulu, Dato` Ba- Besar, Dato` Seri Pahlawan, Dato` Umbi.

DHA : Berapa semua dah.

NHA : Dato` ada sembilan.

DHA : Tiga, enam, sembilan, sepuluh dua belas (mengira). Dato` Lela Raja dah [sudah] ada.

NHA : Dato` Ma-Lela Maharaja.

DHA : Dato` Lela Raja

NHA : Tak de [tiada]

DHA : Lagi. Lepas tu [selepas itu]. Dato` Seri Pahlawan ada tak. Berapa dah. Cukup dua belas.

NHA : Yang Biduanda Pasak ni?

DHA : Tu [itu] itu lain.

NHA : Waris Tiga Batu ni [ini] lain.

DHA : Lain. Ada sama tu [itu]. Dia lain Biduanda lain. Biduanda ini iaitu Penghulu Luak Jempol Dato' Lela Setiawan. Lepas bawah dia Dato' Shah Bandar. Lepastu Dato' Paduka Tuan. Ada empat belas semuanya. Cukup empat belas. (suara orang bercakap) dah.

NHA : Dua belas, baru dua belas.

DHA : Baru dua belas. Sebut.

NHA : Dato' Maharaja Setia, Dato' Setia Pahlawan, Dato' Jangkayo, Dato' Setia Raja, Dato' Komo, Dato' Setia Penghulu, Dato' Besar, Dato' Seri Pahlawan, Dato' Umbi, Dato' Lela Raja.

DHA : Berapa?

NHA : Sepuluh.

DHA : Berapa? Mesti ada dua belas.

NHA : Baru sepuluh, Dato' Shah Bandar sekali ke.

DHA: Dato' Shah Bandar nu [itu] sama Dato' Paduka Tuan. Ni [ini] empat belas semuanya. Itu waris Biduanda. (bunyi suara orang bercakap). Dato' Setia Raja ada.

NHA : Ada.

DHA : Ada. Kau semak balik. Nombor satu Dato' Lel- Lela Raja, Dato' Si Ammar Menteri, Dato' Umbi, Dato' Komo, Dato' Besar, Dato' Setia Pahlawan, Dato' Jengkayo, Dato' Pahlawan- (suara orang bercakap) Sri Pahlawan. Dah ada dah. Ada dua belas dah.

NHA : Dah.

DHA : Masuk Atuk empat belas.

DHA : Haa [ya]. Dato' Shah Bandar dan Dato' Paduka Tuan. Ada empat belas.

SNA : (mengira). Tiga belas. Dato' Shah Bandar masuk dah [sudah] tadi.

DHA : Tiga belas. Mana tak [tidak] masuk lagi. Dato' Pahlawan ada. Setia Pahlawan.

SNA : Setia Pahlawan dah [sudah]. Dato' Pahlawan pun ada jugak [juga].

DHA : Apa pulak tak ada [tiada] itu. Dato' Dato' Dato' Maharaja Setia, Setia Raja, tuk [Dato'] Komo, Setia Penghulu, Dato' Umbi, Dato' Besar, Dato' Seri Pahlawan, Dato' Jengkayo. Haa [ya] tu [itu] la. Mana hilang lak [pula]. Hilang pulak.

- SNA : Ada tiga belas je [sahaja].
- DHA : Tiga belas. Tadi Dato' Paduka Tuan. Dato' Paduka Tuan.
- NHA : Dah [sudah]. Dah [sudah] cukup dah. Cukup empat belas.
- DHA : Dato' Paduka Tuan ni [ini]. Waris kita saja [sahaja]. Waris Biduanda Pasak. Yang lain tu [itu] lain. Dato' Jempol lah. Ada suku apa. Ada dua dua belas Lembaga dua belas suku lah kan. Tuk cari suku ea [nya]. Baik. Dato' Lela Raja tulis suku Tiga Batu. tulis. Hujungnya tu [itu]. Cari Tuk Lela Raja mananya (menunjuk ke arah gambar) tu [itu] . itu Dato' Lela Raja tu [itu]. Itu suku ea [nya] suku ea [nya] Tiga Batu. Dah.
- NHA : Dah dah.
- DHA : Dato' Si Ammar Menteri (Bunyi motor) Suku Tanah Datar. Dato' Maharaja Setia Suku Tiga Batu.
- NHA : Dato' apa tadi.
- DHA : Maharaja Setia. Dia Suku Tiga Batu, Maharaja Setia. Dato' Setia Raja Suku Tiga Batu. Lepas tu [itu] Dato' Komo Suku Mungkal . dah, Dato' Setia Penghulu Tiga Nenek. Dah .
- NHA : Hmm [ya].
- DHA : Dato' Setia Pahlawan Suku Seri Lemak Pahang. Dato' Umbi suku Biduanda Waris, Dato' Jengkaya suku Sri Melenggang, Dato' Besar suku Batu Hampar, Dato' Sri Pahlawan suku Sri Anak Acheh. Dato' Suo suku Paya Kumbuh, Dato' Shah Bandar suku Biduanda Pasak, Dato Ketuan suku Biduanda Pasak, dah [sudah]. Dah [sudah], ada lagi tak tinggal suku eh tu [itu]?
- NHA : Dato' Si Amar Menteri.
- DHA : Dato' Si Amar Menteri, suku Tanah Datar – dah [sudah]. Habis dah [sudah] suku dah [sudah] ado [ada]. Lembaga dah [sudah] ada, lagi nak [hendak] apa laei [lagi]?
- SNA : Dia kalau macam lembaga ini kan Pak Cu [Dato'], dia ada bawah-bawah dia lagi ke? (13:07)**
- DHA : Ada.
- SNA : Macam ...
- DHA : Macam ini dia ketua suku. Bawah dia tu [itu] ada lagi Pegawai 99.

SNA : Bawah lembaga ini tadi.

DHA : Bawah Dato' Lembaga. Macam dia ini tadi macam suku tadi inikan ada gelaran-gelarangnya tu [itu], kat [dekat] sini takdo [tiada] ditulis eh [nya] tu [itu]. Dia tiap-tiap satu suku satu Lembaga satu Buapak satu ketua waris satu Ibu Soko. Hah tiap- tiap waris tu [itu]. Jadi diketuai oleh Dato' Lembaga. Buapak tu lak [pula] berdasarkan perut. Kalau banyak perut eh [nya] suku tu [itu] banyaklah Buapak eh [nya]. Ado [ada] dua, tiga tapi waris Biduanda pasak lain, banyak orang numpang [menumpang]

NHA : Sebab apa?

DHA : Ye dia marin [dahulu] orang tang [dari] Johor datang sini berkhadim Tok Jempol, itu Waris Biduanda mendatang. Ada lima tu [itu], lima, Biduanda datang Biduanda Pasak dia yang lain tak boleh. Biduanda Pasak ini yang menumpang bernaung bawah dia nombor satu sekali suku Gompong. Hah bapak eh [nya] Gompong nama eh [nya] tu [itu]. Hah lepas itu suku Maharaja Garang. Dia ini berasal daripada Johol. Duko Menteri. Kaya Menteri. hah berapa dah [sudah] tu [itu], empat, Kaya Menteri Gompong Muda. Berapa dah [sudah]? Masuk Pasak, Biduanda Pasak dia lima ya. Hah okaylah [baiklah], waris tu [itu] Biduanda yo [ya] tapi dinamakan Biduanda mendatang, orang datang bernaung bawah Tok Jempol. Cuba sebut berapa suku eh [nya].

NHA : Suku Gompong, suku Maharaja Garang, Duko Menteri, Kaya Menteri, Gompong Muda.

DHA : Suku – Maharaja Lela, Maharaja Lela dia ini datang dari Johol semua bernaung di sini, ada lima kan. Habis dia ni [ini] dah ramai, terpaksa dilantik Buapak. Lembaga takdo [tiada] tu [itu], Dato' lah Lembaga eh [nya]. Paduka Tuan, itulah Dato' Lembaga eh [nya], kalau hal bicara tanah hah ni [ini] deh [nya]. Dia tak [tidak] boleh setakat Buapak sahaja. Kot [kalau] adat nikah kahwin dia tak samo [sama]. Waris Biduanda numpang ni [ini] dia ikut suku dua belas. Waris Biduanda Pasak ini dia mahal, lebih nikah kahwin dia. Masa hari ni [ini] 200 kerajaan samakan, Biduanda Pasak 220, dia tak [tidak] boleh sama.

NHA : Waris datang?

DHA : Itu 200 lah mas kahwin eh [nya] yang lain 200, Biduanda saja [sahaja], Biduanda Pasak kita ni [ini] 220. Pasal dia penghulu luak.

SNA : Kalau macam perkahwinan ini kan apa yang saya tahu, dia suku sama suku dia tak [tidak] boleh kahwin ae [ke], macam tu [itu] ae [ke]?

DHA : Sapo [siapa] koba [cakap] tak [tidak] boleh. Pasal marin memang dilarang nikah sesuku – asal eh [nya] keluarga. Memang tak [tidak] boleh kahwin. Kalau dia berkahwin takpo [tidak mengapa] tapi dia tak [tidak] boleh menuntut pusaka. Macam dia nak tuntutan Dato' Shah Bandar nak tuntutan ketua tak [tidak] boleh. Pasal kau nikah sesuku. Bertimbang salah baru boleh. masalah eh [nya] camne [bagaimana]. panggil suku waris dia tu jamu kerbau sekor [seekor] baru timbang salah baru boleh menyandang pusaka adat.

NHA : Itu macam syarat dialah?

DHA : Aaa (mengangguk kepala). Yang buat soalan-soalan ni [ini] kau ke? Bukan pensyarah yo [ya]? Sekarang Dato' sedang buat buku rini [harini], tajuk 'Serambi'. Serambi tahu tak [tidak]?

NHA : Serambi yang kek [kat] rumah tu [itu]. (ketawa)

DHA : Ini Professor Abdul Rahman, dia orang Johor nikah Pahang. Professor Abdul Rahman - - dua-dua budak universiti tu [itu]. Ini tengku arahkan nak nak [hendak]. Serambi macam nia [ini] yang banyak menggunakan terlibat adat. Apa guna serambi ni [ini], segala adat-adat di serambi diam [terletak] eh [nya]. Bila nikah kahwin hah tadi, bila semua sini, kalau bertunang semua datang sini, mana duduk eh [nya]. Jauh ke dalam, tak [tidak].

SNA : Ketika Pak Ucu menjalankan macam dipanggil adat nak turunkan waris tanah tu [itu] ada pakaian yang macam - - pakaian yang dah ditetapkan ke? Pakaian rasmi ke tak [tidak] kisah? (20:30)

DHA : Sebaik-baiknya baju Melayu.

NHA : Baju Melayu hitam ke?

DHA : Tak kira [tidak kisah]. Takdo [tiada] takpolah [tidak mengapa]. Marin Dato' Lembaga mesti pakai baju Melayu di mana poie kahwin kendera semua pakai baju Melayu. Hari ini takdo [tiada] laei [lagi] dah [sudah], ada ada tapi seorang dua yo [sahaja]. Laie [lagi] apo [apa] laei [lagi]? Tanyalah, takkan sampai situ je. (tersenyum)

11 November 2017

Audio Orientation Question

SNA : (Bunyi telefon ditarik dan bunyi suara kanak-kanak) Assalamualaikum Dato'; terima kasih sekali lagi kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah pada hari ini.

DHA : Ya.

SNA : Baiklah, sekarang kita mulakan dengan latar belakang Dato' terlebih dahulu.

DHA : (Mengangguk).

SNA : Apa nama penuh gel – Dato'?

DHA : Gelaran tak payah [tidak perlu] lah kan. Ali Bin Naam. (bunyi suara kanak-kanak).

SNA : Apa nama gelaran Dato'?

DHA : Gelaran Dato' Shah Bandar (bunyi suara kanak-kanak).

SNA : Berapa umur -- Kalau mcam itu berapa umur (bunyi telefon ditarik dan

bunyi suara kanak-kanak) Dato’?

DHA : 80 lah.[78].

SNA : Jadi bila tarikh Dato’ dilahirkan?

DHA : 01 bulan Lapan tahun ’39.

SNA : Dimanakah Dato’ dilahirkan ya?

DHA : Di Kampung Tebet [Tebat]. Kampung Tebat Batu Kikir. Dah [sudah] - lepastu [selepas itu].

SNA : Dimanakah Dato’ dibesarkan?

DHA : Di Kampung Kuala Jempol, Cacar.

SNA : Jadinya sekarang ni [ini] ape [apa] nama tempat tinggal Dato’ ea [ya]?

DHA : Sini. Kampung Kuala Sialang (bunyi suara kanak-kanak).

SNA : Kalau macam itu [begitu]. Sudah berapa lama menetap disini?

DHA : Tahun ‘6 puluh- 2. Tahun ’62. (bunyi burung berkicau) Berapa tahun dah [sudah]. 1962 Tuk [Dato’] kahwin sini sampai hari ni [ini]. (Berhenti Sejenak)

SNA : (bunyi burung berkicau) Okay [baiklah], seterusnya apakah nama isteri Dato’?

DHA : Zaharah Binti Mat Isar

SNA : Jadinya umur isteri Dato’ berapa ye [ya]?

DHA : Tahun ‘4 puluh – 5. Tahun ’45 [tujuh puluh dua tahun], berapa tahun dah [sudah]

itu [itu]. 70 berapa. 70 lebihkan.

NHA : Haah [ya].

SNA : **Jadinya isteri Dato' ni [ini] bekerja ke tak [tidak]?**

DHA : Tak bekerja. Kerja kampung.

SNA : **Melalui perkahwinan tu [itu] berapa lama – berapa banyak cahaya mata yang diperoleh. (Bunyi pintu ditutup).**

DHA : Dua belas orang. Enam laki-laki [lelaki], enam perempuan (bunyi kereta dihidupkan).

SNA : **Boleh Dato' ceritakan serba sedikit tentang latar belakang ibu bapa Dato'?**

DHA : Apa nak [hendak] tanya tadi. (bunyi enjin kereta) Ibu atau – ibu

SNA : **Nama.**

DHA : Haa [Ya] nama Ibu Tuk [Dato'] Acik bin [binti] Abd Rashid. (bunyi enjin kereta)

SNA : **Nama ayah.**

DHA : Ayah Naam Bin Tahid. (bunyi enjin kereta)

SNA : **Jadinya Dato' ada berapa orang adik-beradik?**

DHA : Empat orang. (bunyi enjin kereta dan suara kanak-kanak).

SNA : **Dan Dato' anak yang keberapa ye [Ya].**

DHA : Yang kecil sekali (bunyi enjin kereta dan suara orang bercakap).

SNA : Okay [baiklah] Kalau macam itu [begitu] dimanakah Dato' bersekolah dahulu.
DHA : Sekolah Kebangsaan Jempol, Kuala Jempol dan tukar di Sekolah Kebangsaan Serting Hilir (suara orang bercakap).

SNA : Boleh tak Dato' ceritakan tentang pekerjaan- pekerjaan yang pernah disandang? (bunyi enjin kereta dan suara orang bercakap).

DHA : Baik, (bunyi kereta) ohh banyak (bunyi pintu kereta ditutup). Kuli- kuli [Pekerja bawahan] pon masuklah. Okay [baiklah] pandai, Mula Tuk [Dato'] berhenti sekolah berhenti sekolah kerja ladang estates [ladang getah] berisikolah. (bunyi kereta lalu) jadi macam – macam kat sana tu [itu] Tuk [Dato'] -- kumpul macam-macam lah kat ladang kumpul pisang ladang-ladang mana ladang orang putih lah. Lepas itu baru estet. Malay Rompin Estates, Kalting Estates. Sesudah itu Tuk [Dato'] berhenti bekerjalah di gomen [government] kerja DID. Tau apa DID?

SNA : Tak tau [Tidak tahu]

DHA : DID *Desinaring Ingeneering Department* [Department of Irrigation and Drainage] Rompin. Lepas itu berhenti itu kerja pulak ni – kerani. Kerani apa, Kerani estet. Legong Ulu Estates Sampai estet itu jual. Berhenti, berhenti (bunyi telefon di tarik) Tuk [Dato'] masuk dalam lapangan Jurukur. Juruukur ni tau Juruukur (bertanya).

SNA : Juruukur (mengangguk)

DHA : *Survey* [mengukur] ukur tanah batu ambik [ambil] semua semua lah mana estet [ladang] jual Tuk [Dato'] pecahlah berapa ekar nak 10 ekar 20 ekar. Biasanyalah tu [itu] nama juruukur. Lepas dah [sudah] berhenti juruukur masuk pulak ni [ini] lapangan perniagaan. Berniaga. Berniaga kedai runcit ni [ini] lah kat kampung. Berhenti kerja kedai runcit kat [dekat] kampung disamping tu [itu] Tuk [Dato'] jadi cikgu. Cikgu apa, ialah cikgu kelas perpaduan rakyat. Tau. Di Mana tempatnya Kampung Bukit Gelugor. Duduk kat [dekat] situ semua orang Cina, Melayu tak ada [tiada] seorang pon. Seorang Melayu polis. Yang lain semua Cina. Selepas pada itu; lebih kurang dalam sepuluh tahun berhenti, masuk lah jadi Pegawai Penerangan

Khas di Daerah Jempol. Kawasan jaga dia ialah Kawasan DUN [Dewan Undangan Negeri] Serting. Masa tu [itu] kerja selama bertahun lama jugak tu [itu] kerja sampai pencen lah. Selama sampai 55 tahun. Kerja tu [itu] tak [tidak] pencen ni [ini] politik. Berhenti dah [sudah] cukup umur berhenti. Langsunglah dilantik oleh kerajaan menjadi ketua kampung. Ketua Kampung Ketua Kampung Kuala Sialang, Bukit Kelulut. Dua kampung (menunjukkan arah kampung tersebut) sampai situ banyak lah ke jawatan- jawatan politik ni jawatan- jawatan masyarakat banyak .Satu kali RELA [Jabatan Sukarelawan Malaysia]. RELA ni [ini] tau apa. Ketua Mukim RELA. Lepas tu [itu] Ketua UMNO [*United Malays National Organization*] Cawangan ke Jawatan Bahagian. Lepastu pulak apa ni [ini] jadi Ahli Persatuan Peladang Jempol di bawah pengarah. (bunyi kapal terbang) Lepas itu [itu] jadi apa nama nya pentadbiran koperasi, Pengerusi Koperasi Serting Tengah dan Batu Kik- Batu Kikir Jempol Berhad hinggalah ke harini atuk [Dato'] jadi pengerusi hampir lima belas tahun jadi pengerusi koperasi. Dan lepas itu harini tak de [tiada] lagi lah tu [itu] je lah kerja nya. Daripada koperasinya masih lagi koperasi-pengerusi koperasi dan masih lagi Ketua Unit Peladang Kampung Kuala Sialang, Jempol. Itulah keje [kerja] tuk [Dato'] sampailah ke harini Tuk [Dato'] pencen.

Audio Common Question

SNA : Okay [baiklah] untuk soalan seterusnya ye [ya] Dato'. Boleh Dato' terangkan sedikit sebanyak tentang Adat Perpatih.

DHA : Tentang adat perpatih? Banyak tu [itu]. Semua nak [hendak] terangkan. Yang betul dari mana. (orang bercakap) Yang pertama.

SNA : Dari manakah Adat Perpatih ini berasal sebenarnya?

DHA : Adat Perpatih ini berasal dari Sumatera Barat. Sumatera kan.

NHA : Indonesia (menyampuk) Indonesia

DHA : Indonesia haaa (mengiakan) Indonesia. Dapat cerita ea [nya] Jempol kita ni [ini] kadang banyak cerita kadang cerita macam ini. Kadang- kadang Negeri Sembilan macam ini. Jadi Tuk [Dato'] dapat cerita buku bertulis tangan. Buku orang beri [bagi]. Bila dapat Tuk [Dato'] marin [kelmarin] terus beri [bagi]. Asal dia Adat

Perpatih ni [ini] di bawa oleh Datuk Sempedang. Datuk Sempedang daripada Negeri Sumatera, masa itu kampung tu [itu] boleh dikatakan tak [tidak] aman. Tak [tidak] aman dari segi apa tak tak [tidak] aman dari segi gunung berapi banyak tanah-tanah meletup dek [kerana] gunung berapi. Jadi apa kita nak [hendak] buat, nak [hendak] numpang [menumpang] kasih. Jadinya dia muafakatliah kampung tu [itu]. Muafakat, elok kita keluar dari sini cari tempat. Maka berkumpul lah dia dapat dia sembilan saudara. Ada yang koba [mengatakan] ea [nya] sembilan beradik yang sebenarnya sembilan saudara di kampung tempat ea [nya] sembilan orang ni haa [ini] keluarga orang ni [ini] haa [ini] keluarga ni haa [ini]. Dah dapat persetujuan tu [itu], mereka ni [ini] me- menyiapkan lah peralatan- peralatan yang nak di bawa [bawa]; yang pertama sekali apa; perahu, tongkang. Kapal tu bosa bona [besar sangat] tak do doh yo [tidak ada ya]. Ya dia buatlah. Dah siap buat masing –masing mana satu sorang, di- di siapkan benih- benih makanan. Benih- benihlah kalau tak [tidak] apa nak makan kalau tak do bonih tu sok [tidak ada benih itu esok]. Haa [ya] ni muafakat, “Semua dah [sudah] siap, dah [sudah] siap dah [sudah] kita lantik seorang ketua”. Di lantik sapa [siapa]; Datuk Sempedang, “Kau lah jadi ketua. Dah [sudah] siap itu belayarliah kita”. Dia belayarliah menyeberangi Selat. Takde [tiada] selat tu [itu] takdo [tiada] nama Melaka dah, Selat saja [sahaja]. Berkemungkinan Melaka belum muncul. Dia menyeberang selat mengikutlah jalan tu [itu] sampai ke Johor mudik [belayar] ke hulu sampailah ke kuala sungai. Sungai apa sung–harini di namakan Sungai Muar. Dia mudik [belayar] ma- masuk Sungai Muar dia mudik [belayar] sungai tu [itu] sepanjang Sungai Muar maka berhenti Lubok kepong dekat kilang buat kepong tu [itu] kan. Dia berhenti Lubok kepong, dia bukak [buka] negeri dia bukak [buka] hutan- hutan semua tu [itu] buatlah kampung rumah kat situ [di situ] Kampung Sembilan keluarga tadi. Bila sah jadi dah [sudah] siap dia pon buat tanam-tanaman. “Dah [sudah] siap belom tanam-tanamannya yang nak ditanam. Sudah.” Dah [sudah] siap itu tinggal sorang [seorang] di Lubuk Kepong. Tinggal sorang [seorang] kau tunggulah negeri tu majukan. Ia pon berlayar lagi mudik [belayar] ke Sungai Muar berjumpa orang tak tau la [tidak tahu] apa sungai ni tak muat. Muat macam mana, tak tau lah [tidak tahu] mana hulu ea [nya] nama pon tak tau lah [tidak tahu] kot [sebab] asli [orang asal di Negeri Sembilan]. Maka belayarliah lagi sampailah pada Kampung Londah. Londah tau tak. Kampung Londah, Gomeh [Gemas]. Lepas Londah masuklah dia ke Pasir Besar. Sampai

Pasir Besar turun situ bukak satu negeri. Dah [sudah] siap semua semua tadi Kampung tu [itu] dah maju, beras, beras gantang ni [ini] benih- benihnya dah [sudah] siap di tinggalkan kampung itu. Tinggal sorang [seorang] tu [itu] dia berani orang tua- tua dulu. Tinggallah sorang [seorang] kau majulah kampung ni [ini] betul dia pon buat mudik lah [belayarlal] ke hulu ikut lagi ke Sungai Muar tu [itu]. Ikut- ikut mudik sampailah ke Kuala Jelai. Jelai mana tau Jelai, dekat dengan Kampung Jelai itu haa [ya] Estet itu haa [ya] Jalan Tampin, dia berhenti situ dan Datuk Sempedang nya sini kita anu [apa] kita berpecah. Kau ikutlah ikut Sungai Jelai ni [ini] mudik [belayar] ke hulu. Dia ikut Sungai Muar sampai la ke sini. Jadi di pendekkan cerita yang Datuk Sempedang ni [ini] berhenti disini yang lain tu [itu] mengikutlah Sungai Jelai sampailah ke Johol. Berhenti situ, lepastu dah [sudah] nak [hendak] sampai ke Inas air sungai dah [sudah] kocik [kecil] perahu tak [tidak] boleh masuk lagi. Dia naiklah bukit tu [itu], naik bukit tu [itu] sampai lah dia ke Rembau, Penajis. Tinggallah situ bukak negeri. Sampai hari ni [ini] Penajis, lepas tu [itu] yang lain tu [itu] berjalanlah mengikutlah Gunung Datuk tu [itu] Bukit Putus tu [itu]. Lepas tu [selepas itu] dia berhenti dia bukaklah [buka] satu negeri disitu nama Pantai. Itu dia Seremban. Pantai. Dah sudah nun [sana]. Tinggal situ dia pon dia terus daki [mendaki] mengikut bukit tu [itu] Bukit Putus tu [itu] sampailah dia ke Jelevu. Mana tempatnya Kuala Klawang lah. Sampai ke Klawang dia berhentilah, bukak lah negeri situ di Kuala Klawang nama Kampung Bintik Sungai deras, Sungai Panas, Sungai Dulang. Haa [ya] Sungai Dulang la haa [ya] ada sejarah besar jugak [juga] sungai tu. Lepas itu dah [sudah]. Dah [sudah]. Habis situ dah [sudah]. Datuk Sempedang ni [ini] tadi tinggal di Jelai ni [ini] tadi dia ikut Sungai Muar itu sampailah ke mana Jambu Lapan. Sampai Jambu Lapan, dia tengok dia suruh orang- orang dia turun. “Kau tengok tanah ni [ini] elok ke tidak”. Dia pon turunlah orang-orang dia satu menghala ke Sungai Muar separuh lagi menghala ke Sungai Jempol. Sungai Jempol ni. (menyelak kertas) Bila sampai waktu Zohor dia orang balik, menghadap balik Datuk Sempedang. “Datuk bahawa tanah ni [ini] cantik tak ada [tiada] bukit, lanpam [rata] lako [belaka] haa [ya] rata.” “Ohh gitu yo [ya], Kalau gitu [kalau begitu] takpolah [tidak mengapa]. Kalau camni [begitu] kita turun. Kita bukak negeri disini, kampung la bertobang tobeh [menebas dan menebang]”. Jadilah dia Kampung Jambu Lapan. Itu ada sebab. Apa Tuk [Datuk] nak [hendak] namakan kampung ni [ini]? Kata Datuk orang ni [ini], “cantik kampung ni Jempol.

Jempol tu [itu] cantik. Tempat ni [ini] cantik”. Mana dah sudah tu [itu] ada seorang hamba yang yang nengok [melihat] tanah tadi dia cakap, “Dato’, saya telah jumpa satu pokok Jambu di Tanah Lanpam [rata]”. “Kenapa pokok Jambu, mana”. Hari sok [esok] itu dia orang pergi tengok, betul ada pokok Jambu buah lebat duduk tempat di Tanah Lanpam [rata]. Tanah Lanpam tau lanpam tak [tidak], rata. Lepas tu [selepas itu], Datuk tu [itu] cakap, “inilah tempat kita namakan Jambu Lapan. Sebabnya kita nampak Jambu Lapan”. Jadi harini, nama Kampung Jambu Lapan. Berapa tahun dah tu [sudah itu]. Sesudah tu [itu]; kampung pon dah maju, saudagar-saudagar pon dah banyak datang meniaga dari Melaka, dari Siam, dari Arab semua ea [nya]. Maka timbullah satu fasa, orang ahli perniagaan ini sampai sini; dia nak pergi meniaga ke negeri Pahang. Mana jalan nak ikut. Sungai Jempol ni [ini] ke Sungai Serting lalu Istana itu dekat lebih kurang dua belas meter je [sahaja]. “Haa ikut jalan nilah [ini] kita buat”, kata dia. Dia buat, dan sampai situ macam orang nak berdagang kenalah perahu tu [itu] ditarik. Marin [dahulu] berkandar, kandar barang-barang semua berkandar sampailah ke Serting. Lepas Serting mudik [belayar] sampai lah ke Tasik Bera. Tasik Bera sampailah ke Pahang. Jadi sampai disitu, tu lah [itu lah] kerja ahli perniagaan. Orang kampung kita ni marin [dahulu], orang Jambu Lapan tu [itu], itu kot diupah. Upah punggah barang. Jadi, timbulnya satu orang kita ni [ini] ada yang cerdik ea [nya], “susah- susah kita nak mengandar ni [ini] perahu. Tengok- tengok habis macam mana.” Dia terbang nya kayu godang-godang [besar-besar] (menunjuk besar kayu tersebut) ni haa [macam ni]. Dah [sudah] ditebang kecil-kecil [kecil-kecil], godang-godang [besar-besar] macam mana. Tu [itu], di korek, di lintangkan dia boh [letak] tali barulah di tarik. Sorang [seorang] nolak [menolak] sorang [seorang] narik [menarik]. Tak lah [tidaklah] berat. Apa di namakan situ, Penarikan. Mana dia Penarikan, tu [itu] Taman Ku Puan Chik kat Kampung Bukit Lako. Haa [ya] Penarikan. Habis cam tu yo [macam itu sahaja]. Lepas daripada tibalah saudagar daripada Siam. Ni [ini] Siam ni [ini] masa itu dia dah [sudah] ada Orang Melayu ni [ini] Islam ni [ini]. Dia ni [ini] lagi besar meniaga dia tak mau [tidak mahu] ikut Penarikan. Jadi, dia buat ea [nya] satu parit sebelah jambatan tu [itu] marin [dahulu] itu [itu] somak [semak], marin [dahulu] tu [itu] hutan tu [itu], jalan keretapi; haritu dianggarkan besar dalam tiga puluh kaki empat puluh kaki dapat dia gali jelah. Daripada kat Jambatan Sungai Jempol tu [itu], ikut Jalan tepi tu [itu] sampai lah ke Taman Ku Puan Chik tu [itu]. Kebetulan

pulak [pula] ada masa nya, pekerja-pekerja di situ berjumpalah; ada yang jumpa katak, ular. Jadi orang ni [ini], dia amek [ambil] lah ular ni [ini] di makan ea [nya]. Bila dia makannya ular tadi, sapa [siapa] yang makan ular tu [itu] semua mati. Paras [setakat] tu [itu] lah parit. Dinamakan Parit Siam sampailah harini. Masa tu [itu] Taman Ku Puan Chik tak de lagi dah [belum ada lagi]. Sebab tu [itu] namakan Parit Siam. Parit Siam tau kan. Tu [itu] dia ada Jambu Lapan, Parit Siam, Penarikan haa [ya] wujud di situ. Jadi, ikut sejarahnya pulak [pula], masa Tun Hang Tuah melarikan apa nama Tun Teja itulah jalannya. Mana jalannya lagi, haa [ya] sejarah situ itu. Dah sudah dah kaya raya negeri pon dah besar, mewah semuanya. Jadi Datuk Sempedang tadi ulang aliklah ke Sumatera. Jadi orang sanun [sana] datanglah ke sini mengikut sungai. Sungai Jempol ea [ya]. Jadi suku-sukunya nih [ini] wagheh [waris] ni [ini] datangnya daripada Minangkabau. Jadi Waris apa ni [ini] Tiga Batu pergi bukak negeri ni haa [ya]. Waris Tiga Batu. Kau mana, Batu Hampar beri masuk sampailah. Ke Tengkek ni haa [sini ya]. Situ lah banyak suku wagheh [waris] dua belas. Yang tadi yang ikut Sungai Muar sampai situ habis tu [itu] dah. Ikut Sungai Muar sampai ke sana tu [itu] lain. Lepas tu [selepas itu] bila [apabila] dah [sudah] aman Datuk Sempedang dia panggil balik orang yang Sembilan keluarga ni tadi berkumpul. Dialah menentu kerajaan haa kau ni [ini] dah ada ni [ini] kau tadbir lah kerajaaan sini haa elok-elok [baik- baik]. Jadi kebanyakan orang- orang itu nikah sama orang asli. Asli tempat itu lah .ha yo [ya]. Baik. Lepas tu [itu] pulak [pula]. Lagi satu ceritanya lagi Datuk Sempedang ni tadi duduklah disini. Berlaku Datuk Tun Perpatih. Adat Perpatih tau, yang nama Adat Perpatih haa [ya] dia nilah orang yang buat mengasas adat ni –haa [ya]. Jadi anak anu [apa] ni [ini], anak Raja Minangkabau ni [ini] ada Datuk Perpatih, Temenggung dan Seri Banun. Jadi dia orang ni [ini] dua orang ni Perpatih, Temenggung ni [ini] dia dah [sudah] besar dan berhajat belajar, dia tanya kat ayah dia. Perpatih belajar sampai ke negeri China. Di China lagi dulu [dahulu] dah ada [sudah ada] amalkan Adat Perpatih. Ni [ini] China, ni [ini] kita Islam dia dulu Islam dari kita ni [ini]. Yang Temenggung ni adiknya ni [ini] berpecahlah. Dan sampai ketika Perpatih pon [pun] balik. Balik ke Sumatera jumpa ayah amo [dengan] emak nya dia nak [hendak] keluar. Baik, dia nak [hendak] keluar di tempahlah bahtera. Yang emak ni [ini] tempeh dua buah, satu Temenggung satu Perpatih. (bunyi kapal terbang) keluar, bila dah keluar, kapal terjun untuk Temenggung dah siapnya naik orang

jalan, dia takda berhenti terus ke laut. Yang Perpatih tak [tidak] dapat, tak [tidak] dapat jalan puas ikhtiar dah [sudah] tak [tidak] dapat berat. Malam tu [itu] Tuk [Datuk] terang kata dia, “kalau nak jalan juga kapal Perpatih ni [ini] mesti kan di semah [di jadikan korban] dengan perempuan mengandung sulung”. Anak perempuan yang sulung dan mengandung sulung nak [hendak] bersalin lah. (bunyi lonceng dan berlari) Ada orang pergi cari lah lepas tu [itu] taka da [tiada] perempuan beranak yang sulung, yang ada sapa [siapa] sorang [seorang] anak buah Perpatih (Bunyi motorsikal). Seri Banun. Haa [ya]. Seri Banun ni [ini] kahwinya dengan Raja India haa [ya]. Dia bila nak keluar, Tun Perpatih sama Temenggung ni sapa nak perintah negeri ni [ini]. Ada tak de [kalau macam itu] Haa [ya] ginilah kita berunding adik kita ni [ini] nikah sama Raja India. Bila nikah Raja India: Perpatih, Temenggung selalu berkelahi. Yang kata dia yang ni [ini] kata dia yang ni [ini] apa pulak [pula]. Susah jugak satu negeri dua raja. Ni [ini] sebab dia keluar itu. Jadi Tun Perpatih ni [ini] dapatlah anak buah ea [nya] anak raja tadi mengandung sulung. Jadi tak ada [tiada] orang, “Beginilah takpalah untuk pak sedara [bapa saudara] saya sanggup buat. Lalu pak sedara [bapa saudara] tadi keluar. Haa [ya] sudah itu sampai kat sana buatlah apa nama ni [ini] Banun ni [ini] duduklah bawah kapal, bawah kapal tadi dah [sudah] tau Tun jalan kapal ni [ini] lompat nya lah Banun ni [ini] tadi. Tak [tidak] sikit pon tak [tidak] nyonyeh [cedera]. Bila kapal sampai ke laut, Sri Banun pon [pun] lahir anak nama Tanggang. Haa [ya] itu dia. Lepastu [selepas itu] Perpatih sampailah sini mengikutlah jejak Datuk Sempedang. Datuk Sempedang tu [itu] tunjuklah dia ape [apa] benda nak [hendak] jumpa Undang Johol bawa [bawa] tempat dia pergi. Beri jelah. Jadi Tanggang ni tadi bila besar nak ngikut [hendak mengikut] atuk ea [nya] macam mana. Jadi lepas tadbir tu [itu] tau lah dibawaklah Adat Undang- undang peraturan di Minangkabau jalankan Adat Perpatih haa [ya] ni [ini] sampailah ke hari ini. Adat perpatih tu [itu] ada separuh turun ke Port Dickson ada sebab apa nama istana raja masa raja duduk sini marin [kelmarin]. Itu dia disini itulah Datuk Sempedanglah yang membuka Jempol ni [ini]. Lepas itu apo laie [apa lagi] nak [hendak] tanya. Lepas itu, abis [habis] kisah itu wujud Jempol. Ni orang- orang yang Minangkabau tadi yang bermastautin di sini sampai- sampailah di Jempol ni [ini] haa [ya] sana banyak la itu Dato'- Dato' suku- suku waris semua ada Tiga Batu, waris Batu Hampar semua-semua Suku Dua Belas, berkumpul di Terentang. Terentang tahu. Itu Batu Kikir sana itu haa [ya].

Nak [hendak] cari ketua, sapa ni [ini] kita nak [hendak] lantik ketua. Kadang kita kadang kita yang si bodoh masa ini kaulah jadi atau pon gilir-gilirlah. Tak [tidak] tak mau [tidak mahu] jadi dia cari sampai lah dia ke Johol. Undang Johol, pergilah menghadap Undang Johol. Dia tanya, “apahal [kenapa] orang Jempol datang” marin [kelmarin] cam itu yo [macam itu sahaja] tak de [tiada] adat-adat ni [ini] dah [sudah]. “Dato’ kami datang orang Jempol nak nu [hendak itu] nak [hendak] cari ketua Jempol tak de [tiada] orang, “Haaa [apa]”, “takde [tiada] orang”, kata dia. Masa Undang Johol masa itu Undang Johol perempuan. Orang perempuan Undang ea [nya]. Mana ada laki [lelaki] dulu. Lalu, Undang Johol dia beri sorang [seorang] perempuan. Jadi dah beri [bagi] tu [itu] bawaklah balik oleh Dato’ tiga orang ni [ini] tadi. Bawak [bawa] balik Sapa [siapa] yang bawak [bawa]. Dato’ Lela Raja, Dato’ Si Ammar Menteri, Dato’ Maharaja Setia. Bawak [bawa], di bodak langekanlah [dimandikan dengan air limau nipis dan dipakaikan pakaian] lah perempuan itu tadi. Apa dia tengok cacat perempuan ni [ini]. Cacat tu [itu] masa tu [itu] berkudis. Kudis tau [tahu] kudis tak [tidak]. Kudis tak [tidak] elok-elok di ubatkan di namakan pekong. Jadi besar ni [ini] haa [ya] di ubatkan tak [tidak] elok-elok dinamakan pekong (menunjukkan besar pekong tersebut). Dah [sudah] mandi ni [ini], jumpa Dato’ balik, “bahawasanya perempuan ini cacat Dato’ tak [tidak] boleh”. Jadi Dato’- Dato’ ni [ini] pergi menghadap Undang Johol sekali lagi. Kata Undang Johol, “apahal [kenapa] lagi”, “orang Jempol tak nak [tidak mahu] jadi ketua orang perempuan. Dia nak [hendak] yang laki-laki [lelaki]”. Dia mengelakkan lah itu [itu] kalau tak [tidak] malu lah dia kan. Ada orang itu masih ada lagi keturunannya di sini yang perempuan tadi. Kata Undang Johol, “ginilah [begini] kau pergi Pasir Besar kau cari Daim”. Dato’- Dato’ ni carilah. Keturunan Ngai Uban. Poie [pergi] jumpa tiga orang Dato’ itu pergilah ke Pasir Besar carilah orang dapat. Daim ni kecil lagi, lelaki jadi di bawaklah [di bawa] ke sini sementara dia nak [hendak] besar di bawa ke Dato’ Lela Raja. Tu [itu] dah [sudah] besar dah [sudah] berumur lapan belas camtulah [macam itu] maka Dato’ tiga ni di *kerjankanlah* [membuat kenduri dan mengisytiharkan] kan lah Dato’ Daim ni jadi Dato’ Jempol. Dia jumpa ke Johol boleh, diberilah gelaran- gelaran oleh Dato’ Johol Dato’ Lela Putera Sitiawan Penghulu Luak Jempol. Diberilah alat-alat kebesaran tombak berbulu. Nama ea [nya] tombak berbulu. Dah sudah itu merintah lah dia, bila dah perintah diberi ea [nya] orang dia iaitu Dato’ Shah Bandar teman berunding

Penghulu Luak Jempol Dato' Paduka Tuan untuk merundingkan orang laki-laki [lelaki]. Dato' Tuk [Dato'] Shah Bandar perempuan marin [dahulu] ni [ini]. Bila Undang ni [ini] perempuan, jadi dia tiga perut Mayam itu lah deh [itu lah dia]. Ngai Uban nikah amo [dengan] Yamtuan dan Tarom di sini. Hari ni, Ngai Uban dia tak [tidak] boleh menyandang pusaka [jawatan] Dato' Jempol sebab ada keistimewanya nikah amo [dengan] anak Yamtuan Antah Hitam, Negeri Sembilan. Itu lah dia ye [ya] tak. Maka sampailah ke harini Perpatih yang perintah tampuk. Baiklah, kita buat istana situ. Kat [dekat] mana istana tu [itu] sana itu. Taman Tuanku Puan Chik tu [itu] dekat Taman itu. Dalam Taman tu [itu] ada Istana Kayu, ada rumah kayu. Tinggal, dia duduk dalam hutan Orang Asli. Yang istana besar tu [itu] baru buat itu. Itu lah kisahnya wujudnya Jempol. Itu yang ini. Datuk Sempedang. Yang Jempu ni [ini] pulak, asal keturunannya anak Orang Asli Tanah Ladang. Pasal [kenapa] nama perempuan tu [itu] Jempu, dibunuh dek [oleh] orang campak ke Sungai Jempol. Mengalirlah darah sampai lah ke Kuala Jempol, yang ayahnya tadi berilah nama Sungai Jempol. Panjang lagi cerita tu [itu] tak yah lagi dah [tidak perlu lah]. Haa, dah [ya, sudah]. Okay [baiklah].

SNA : Okay [baiklah] Berdasarkan apa yang Dato' cakap tentang suku-suku tadi tu [itu]. Jadinya Adat Perpatih ni [ini] dia – Apa itu suku?

DHA : Suku ni keturunan. Macam kau waris Tiga Batu, Tiga Batu tu [itu]. Tuk [Dato'] tak [tidak] boleh campur, waris Batu Hampar tak [tidak] boleh campur.

SNA : Okay [baiklah], Jadinya berapa jumlah suku yang terdapat di dalam Adat Perpatih?

DHA : Dua belas. Dua belas Muar, Dua belas Jempol, Enam Bukit Pasir Terachi lupa dah [sudah] Tuk [Dato'] dah [sudah]. Tapi penting yang Jempol ni [ini] lah.

SNA : Jadinya apa ea [ya] nama-nama suku- suku tersebut?

DHA : Ohh, kena tengok buku gak eah [juga ni]. Boleh yo [ya] Tuk [Dato`] amek [ambil] buku kejap [sekejap]. Tuk [Dato`] amek [ambil] buku sekejap. Suku Biduanda Pasak ni dia yang boleh menyandang Penghulu Luak. Orang Suku lain tak boleh. Lepas tu [selepas itu], Suku Tiga Batu Lela Raja. Dia ni [ini] Dato` Lembaga penyandang Puan Anum, Pemangku Penghulu Luak. Lepas tu [selepas itu] Suku Tanah Datar , Suku Tiga Batu Maharaja Setia, Suku Tiga Batu Setia Raja, Suku Mungkal, Suku Mungkal banyak cerita dia, Tiga Nenek Suku Tiga Nenek, Suku Seri Lemak Pahang, Suku Biduanda Waris, Suku Seri Melenggang, Suku Batu Hampar, Suku Anak Acheh. Suku Paya Kumboh. Habis dah [sudah]. Dua belas ke tiga belas semua itu yo [ya]. Masuk Penghulu Luak itu suku eah [nya] yang berada di Ulu Luak Jempol.

Audio Specific Question 1

NHA : Seterusnya, boleh dato' terangkan apa itu jawatan Lembaga?

DHA : Maksud Dato` Lembaga, ketua suku itu. Ada ke gelaran-gelarangnya kali [sekali] tu [itu]? Tak yah [tidak perlu] lah kan? Baik, contoh Suku Tiga Batu Lela Raja itu gelaran Dato` Lembaga dia. Suku Lela Raja ini bawah dia itu pula ada lagi orang besar pusako. Keluarga eh [nya] sembilan puluh sembilan. Dia ini bertugas di istana. Baik, bawah dia ini pula ada satu Buapak. Buapak ini ketua, iaitu tiap-tiap perut satu Buapak dan Buapak ini dibantu oleh kerja waris dan Ketua Soko. Ketua Soko ini sapo deh [siapa dia], orang perempuan. Dialah orang mentadbir (gangguan bunyi kenderaan). Tiap-tiap suku dia, suku lain tak [tidak] boleh campur, kau kau den den [aku]. Camtulah deh yo [begitulah]. Bila apa [apabila] perkara yang berlaku, contoh, mati Dato` Lembaga dia mesti ambil suku tu juo [itu juga] lantik Lembaga eh. Yo [ye], tak boleh orang lain. Tu [itu] Dato` Lembaga. Dato` Lembaga pula, dia ini me – mengetuai tiap-tiap suku itu. Yang pertamanya kalau timbul satu perkara yang tak [tidak] baik: bergaduh, berkelahi, Dato` Lembaga itulah menyelesaikannya. Tak do [bukan] polis do,

maso [ketika] itu mana ada. Dialah menyelesaikan. Bila tak [tidak] dapat menyelesaikannya, barulah dibawa menghadap penghulu luak Jempol. Lopeh [selepas] itu, dah [sudah] selesai ulu luak Jempol tak bondo lain do [sudah tiada apa lagi]. Itu ciri-ciri pengkelahian pergaduhan suku waris dia. Nak [hendak] melantik dia ini pula mengikut perut. Perut ini kau tahu tak [tidak]? Perut ini adik-beradik. Contoh, dato' tiga beradik, perempuan lako [semua] satu orang itu satu perut. Kalau tiga orang tiga perut. Jadi dia dah [sudah] ramai, masa kita tak [tidak] ramai kita tadbirkan [mentadbir], dah [sudah] ramai di lantiklah Buapak dalam perut ini. Kalau tak [tidak] ramai itu, kitalah rundingkan, dah [sudah] ramai, dalam perut. Dan dilantik ketua Dato' Lembaga ini naklah [hendak] dipilih keturunan yang bergilir-gilir. Perut yang ini dah [sudah] dapat tukar ke perut lain (bunyi burung). Itulah seterusnya ke perut lain sampailah bila-bila. Tak [tidak] boleh nak [hendak] direbut-rebutkan, yang menjadi pergaduhan ini yang di Jelebu ini. Tak [tidak] ikut peraturan perut tak [tidak] gaduh, aaa jangan direbut-rebut. Ni [ini] berebut, gaji bukan sikit-sikit, ye tak, itu yang direbutnya. Itu perlantikan Dato'-dato' Lembaga. Bila dah dilantik Dato' Lembaga, dia ini hendaklah dikerjankan. Maksud Kerjan itu, buat satu kenduri menjamu, menjamu anak buah eh [nya]. Ini khas untuk suku dia ni [ini], menjamu anak buah eh [nya], panggil. Kerana apa sebab dalam melantik Dato' Lembaga, ia banyak, kadang tiga empat orang bertandingan? Yang berebut itu, habis [jadi] dapat dia sorang [seorang]. Bila dah [sudah] selesai semua ini adakan majlis kerjan, panggil orang ini balik [semula] disatukan balik [semula] jangan berkelahi jangan bergaduh. Elok tak Adat Perpatih ni (tersenyum)? Tu [itu] deh itu. Itu nama eh [nya] berkerjan. Menyembah, menyembah dia segala waris-warisan yang itu anak buah Buapak yang runding menyembah Dato' Lembaga. Kot [jika] ada yang salah sudah-sudahlah. Yang akan datang tergantung balik. Baik, bila [apabila] nak [hendak] kenduri kendera, ada nak [hendak] kan? Bila nak [hendak] kenduri kendera ini, nikah kahwin apa dulu? Risik Nenduai. Erti Risik Nenduai pihak lelaki pergi rumah perempuan bukan mak ayah dia yo [ya]. Suruh orang lain, kau pergi rumah sapo [siapa] tu [itu] si anak dia. Poie [pergi] lah bertanya, Risik Nenduai, bertanya. Camne [bagaimana] tanya eh [nya], hari ini akak ke Mak Ulung ke Pak Ulung ke, ye [ya] tak? Yang poie [pergi] tu [itu] orang perempuan lah, "Saya ini wakil pada emak ayah eh [nya] nia [ini], nak

[hendak] merisik nenduai anak abang ke atau Pak Ngah kea da orang belum? Kalau tiada orang dia nak minang”. Itu lah, dah [sudah] selesai itu, maum [mahu] deh [dia] berilah cincin sebetuk. Lepas itu, tentukan tarikh bertunang. Dah sudah itu, dah [sudah] setuju belaka, dipendekkan bertunang. Bertunang ni [ini] pula kerja Buapak. Baik, bertunang ni [ini] “Kau waris apa”, hah bincang tu [itu] waris apa. Kerana waris Biduanda Dato’ ni mahal. Tambah mahal bona [sangat] pasal Undang. Yang lain itu dua ratus, kami dua ratus dua puluh. Kau meminang dia lapan puluh ringgit, atuk seratus lebih, tulah deh [begitu]. Dah [selesai] sudah pinang-lanang [meminang] nak [hendak] buat perjanjian kenduri pula yang nak [hendak] buat]. Kisah kenduri, mula-mula kita nak [hendak] kenduri nikah anak, emak ayah si laki-laki [lelaki] ni [ini] dia berjumpa ketua waris. Dia nak [hendak] nikah anak nia nia nia [ini] (sendawa). Berkumpul panggil pula saudara yang khadim yang dekat adik-beradik. Dah [selesai] sudah itu – dah [sudah] dapat atas persetujuan ketua waris ini tadi bawalah tahu Buapak dia. Buapak dialah merunding nikah kahwin, berapa kena bayar. Ye [ya], itu atas berdasar suku waris. Lepas Buapak dia, dia tanya “Kenduri nak [hendak] beradat tak [tidak]? Kalau nak [hendak] beradat kena ajak Dato’ Lembaga”. Bawa Dato’ Lembaga apa cara bawa Dato’ Lembaga ini dia bukan boleh - - (gangguan teknikal). Apa nama eh, habis? Cerita Dato’ Lembaga dah [sudah] habis, kahwin dah [sudah] habis. Lepas itu, apa nama eh laie [lagi]?

SNA : Okay [baiklah], saya nak tanya, dalam hal perkahwinan ini adakah seorang Lembaga ini, dia perlu menghadirinya?

DHA : Majlis itu? Menghadiri ini perlu kalau diajak eh [nya] dengan adat. Kalau dia ajak tak [tidak] bawa epok [tepak sirih] itu, poie [pergi] deh [dia] tapi tak [bukan] adat. Pakai biasa, pakai seluar dah [sudah]. Tapi kalau dia ajak pakai adat, pakai baju Melayu samping. Ada dua tu [itu], kadang datang ke rumah ajak “Saya datang nak ngajak [menjemput] Pak Cu”, padahal Pak Cu Dato’ Shah Bandar. Bukan ngajak Dato’ Shah Bandar, lain. Hah kena ngajak Pak Cu. Dato’ Shah Bandar ke rumah saya pada sekian sekian, hah itu cara mengajak dia.

SNA : **Jadinya sebelum bermulanya majlis kenduri itu, adakah ada terdapat sebarang adat untuk menjemput seorang Lembaga ini oleh rumah?**

DHA : Tuan rumah takdo [tiada]. Bukan orang tuan rumah ajak dia. Buapak. Dan Buapak ni tadi Ibu Soko pergi rumah Dato' Lembaga, rumah Tok Jempol. Dia tak [bukan] boleh orang lain ngajak [menjemput] do [ya]. Boleh, tapi kurang sopan (tersenyum).

SNA : **(bunyi kertas) Jadinya, apakah pakaian yang akan dipakai ketika menghadiri jemputan?**

DHA : Buapak, Dato' Lembaga (bunyi kertas ditarik) mesti pakaian lengkap (bunyi motor). Yo [ye] pakai baju Melayu bersamping. Orang jemputan, Dato' Lembaga atau Buapak-buapak yang lain mesti pakai baju Melayu bersamping. Orang lain tak [tidak] payah. Makanan dia mesti berhidang.

SNA : **Jadinya, ketika ada kenduri yu [itu], adakah macam Buapak, Lembaga dengan Undang ini dia boleh makan dalam satu kawasan yang sama?**

DHA : Bukan kawasan, hidang namanya, kawasan tu [itu] besar, kampung (tersenyum). Ya, ya, bila dah [sudah] kita ajak Dato'-Dato' Lembaga dan Undang, Buapak itu melayan di suruh orang ni [ini] kau pergi ambil hidangan ini, poie [pergi] hidang sania [di sana] dia tak [tidak] makan, dia kendian [kemudian]. Layan orang kau jemput dulu, dah [sudah] habis orang semua kang [nanti], dah [sudah] balik, baru dia nak [mahu] makan. Hah yang melayan siapa; Buapak, bukanlah dia buek [buat] suruhlah anak buah eh [nya], Ibu Soko. Hah dia sejambar [sedulang] lah tu [itu]. Sama Dato' Lembaga eh [nya] Undang eh [nya], dan begitu juga Buapak. Buapak ini bila majlis makan dia tak [tidak] boleh campur mo [dengan] Dato' Lembaga. Buapak ini bawah, ada rumah ada hujung ada pangkal, tahu tak [tidak]? Hah hujung na [sana] tempat makan Dato' Lembaga. Berapa orang Dato' Lembaga jemput situ tempat dia makan. Hidangannya bertutup. Buapak pula pangkal. Dia untuk khas Buapak namanya tu [itu]. Em takdo [tiada] orang lain campur eh itu do [bersama mereka]-lagi?

SNA : **Jadinya, di dalam Adat Perpatih ini adakah perkahwinan sesama suku ini dibenarkan?**

DHA : Ikut adat tak [tidak] boleh, sebab syarak eh [nya] bolehlah, kalau lepas air sembahyang bolehlah nikah. Ramai orang salah faham. Apa sebab dia tak [tidak] dibenarkan nikah satu keturunan [keturunan], awak adik-beradik. Kita adik-beradik dulukan? Dato' ketua. Itu sebab eh [nya], tak [tidak] dilarang nikah sesuku. Boleh nikah asalkan bersyarak tapi kau tak [tidak] boleh menyandang pusaka [jawatan]. Kalau nak [hendak] menyandang pusaka, dam: beras empat puluh gantang, kerbau seekor. Panggil orang banyak ke sikit baru boleh menyandang pusaka. Kot [kalau] Dato' nak [hendak] mintak Dato' Lembaga.

SNA : **Okay [baiklah] jadinya, apa tugas-tugas atau peranan Lembaga di dalam Adat Perpatih?**

DHA : Nombor satu, perbicaraan tanah. Upacara tanah ini nak [hendak] menurunkan, menukarkan nama tanah pusaka, anak kepada anak, orang perempuanlah. Pasal pusaka tanah ni [ini], orang laki-laki [lelaki] tak [tidak] boleh memilikinya kecuali orang perempuan. Orang laki-laki [lelaki] tak [tidak] boleh letak nama situ, tapi dia boleh buat rumah situ, boleh, numpang [tumpang] boleh apa semua boleh. Milik dia je tak [tidak] boleh.

SNA : **Jadinya, bagaimana Lembaga ini dia menjalankan kerja?**

DHA : Lembaga dia tak [tidak] kerja, lembaga duduk yo [ya] (tersenyum). Bila bekerja dia tu [itu], pertama sekali kalau ada anak-anak buah berkelahi dia menyelesaikan. Yang kedua, membicarakan tanah pusaka. Dialah, takdo [tiada] D.O [*District Officer*], dia tak [tidak] boleh buat, salah besar. Semua Dato' Lembaga mesti hadir dan di situ pula, pegawai daerah bertanya "kau suku apa?" D.O [*District Officer*] itu dia orang luar tapi dia siap buku yang dia belajar. "Saya suku ni [ini] tuan", "Mana Buapak kau?" "Ni Buapak", "apa gelar Buapak kau, mana Lembaga kau". Itu sebab eh [nya] bila nak [hendak] alih tanah pusaka adat mesti hadir Buapak dan Dato' Lembaga. Dia mengesahkan.

SNA : Jadinya, ada tak sebarang cabaran sepanjang menjalankan tugas-tugas tersebut?

DHA : Banyak. Itu semua kena kerajaan. Ini nak [hendak] berbicara tanah adat semua nak [hendak] bertulis. “Kalau kamu nak *complain* [mengadu], sebelum kami bicara. (bunyi kenderaan lalu). Dah bicara tak [tidak] boleh. Ada yo [juga] orang dulu-dulu bila di *complain* [mengadu] “Den [aku] patut den [aku] tahu, tak tahu”. Sampai bila tak [tidak] dapat, ni [ini] semua tanah itu. (bunyi orang bercakap).

Audio Specific Question 2

NHA : Sudah berapa lama Dato’ memegang jawatan sebagai Lembaga? (bunyi ayam)

DHA : Mulai satu hari bulan enam tahun 1984. Berapa tahun dah [sudah] itu? `84.

NHA : Okay [baiklah], oleh itu, bagaimana cara ataupun proses pelantikan dilakukan?

DHA : Cara perlantik ini bila kematian sesuatu Dato’ Lembaga itu, macam Dato’ ni [ini] Dato’ Shah Bandar – sampai ketika ke seratus hari, Dato’ Jempol berkehendakkan [mahu] Dato’ Lembaga, cari mata bonih [calon]. Maka diperankan [diperanan] ini diuruskan oleh Buapak, dan dikumpulkanlah waris. Dikumpulkan waris-waris dan bukalah cerita ni [ini] nak [hendak] cari Dato’ Lembaga. Inilah peranan kita tengok balik yang hendakkan keturunan seseorang itu. Marin [dahulu] dah [sudah] perut kau dapat dah [sudah] jangan dibonakan [dibenarkan] perut dia lagi, bagi perut lain. Begitulah seterusnya. Bila [apabila] da [sudah] di isytiharkan sebagai dah [sudah] dapat mata bonih [calon] bagitahu Dato’ Lembaga, Dato’ Jempol bahawasanya mata benih dah [sudah] dapat. Bila kita nak [hendak] buat, nak [hendak] buat di mana, buatnya itu di Balai Penghulu Luak. Buat tu [itu] di Balai Penghulu Luak, tempat lain tak [tidak] boleh. Buat itu di Jempollah, di majlis itu kehadiran di Jempol ini dua puluh daerah, daerah Kuala Pilah dan Jempol terpaksa di jemput khususnya D.O [*District Officer*],

D.O mesti hadir kedua polis Ketua Polis Pilah Jempol dan begitu jugalah perkara-perkara yang lain yang dijemput hadir bersama untuk menyaksikan pelantikan Dato' Lembaga itu dan dihadiri oleh pihak istana. Dan Tengku nak [hendak] tahu pulak [pula], dah [sudah] hadir semuanya itu maka Dato' Jempol istiharkanlah ini dan dah sudah itu barulah anak-anak buah datang menyembah. Bila datang menyembah Dato' eh [nya] pihak adat hantarlah surat ke pejabat daerah, dua daerah (batuk) mengatakan, mengatakan Dato' ini dah [sudah] kosong, dah [sudah] digantikan orang-orang ini. Lepas itu segala elaun sara hidup dia diberilah kepada dia. Hah itulah deh [dia]. Dah [selesai] sudah jadi Dato' Lembaga diisytiharkan dalam tahun itu juga mestilah dikerjan [buat kenduri]. Dikerjan tadi, kerjan itu hendaklah dipanggil segala waris dia mengatakan dia dah jadi nia [ini], kenduri menjamu buat elok-eloklah. Itu dia kerja eh [nya] Proses eh [nya]. Hah apa lagi? (bunyi lalat)

NHA : Jadinya, siapakah yang memilih Dato' untuk dilantik sebagai Lembaga?

DHA : Hah? (tidak dengar dan meminta soalan diulang semula)

NHA : Siapa yang memilih Dato' untuk dilantik sebagai Lembaga?

DHA : Waris, waris. Kalaulah sekiranya waris dia ramai sampai dua orang tiga orang dipilih oleh waris. Undilah, kat tangan kau, siapa yang ramai dialah, itu bahagian Dato' Lembaga.

NHA : Siapa yang terlibat di dalam pemilihan?

DHA : Yang terlibat eh [nya] Buapak, Ketua Waris, Ibu Soko, waris. Itu dia yang terlibat.

NHA : Boleh ke seorang Lembaga dinaikkan pangkat menjadi Undang?

DHA : Adui, jadi Undang pula (tersenyum). Undang lain, tak [tidak] sama Dato' Lembaga. Kalaulah orang Dato' Lembaga itu boleh menuntut, Undang waris dialah, dengan syarat letakkan jawatan. Macam Dato' lah nak [hendak] menuntut Tok [Dato'] Jempol, letakkan Dato' Shah Bandar dulu, dah [sudah] kosong baru

menuntut Tok Jempol. Itu belum tentu dapek [dapat], contoh macam itulah mesti letakkan jawatan itu dahulu.

NHA : **Jadinya jawatan Lembaga adakah boleh diwarisi kepada anak?**

DHA : (bunyi motor lalu) Jawatan Dato'-dato' Lembaga ini tidak boleh diturunkan kepada anak, dia keturun kepada waris. Anak tak [tidak] boleh do [ya].

NHA : **Apakah syarat-syarat ataupun ciri-ciri untuk dipilih sebagai jawatan Lembaga?**

DHA : Yang pertama sekali orang itu dia taklah [tidak] cacat, taklah [tidak] gila, ya tak, taklah [tidak] panas baran, tahu panas baran tahu? Apa nak [hendak] lantik orang itu, azablah kita sok [nanti]. Yang pertama sekali orang itu takde [tiada] cacat cido [cela]. Cacat cido, apa erti cacat? Macam dato' ceritakan tadi yang nak [hendak] Dato' Jempol marin [dulu], kudis cacat, nia [ini] kogheh [keras] sikit cacat, jangan nanti isi orang takde cacat cido, badan eh [nya] elok, yang mengesahkannya elok semua elok. Itu syarat-syarat dia ya tu [itu].

NHA : **Okay [baiklah], untuk soalan elaun, adakah Lembaga mendapat bayaran ataupun gaji dalam menjalankan tugasnya?**

DHA : Bahawasa Dato' Lembaga ini dia tak [tidak] bergaji, pencen makanan (bunyi telefon di tarik) ada. Berapa? Masa mula Dato' jadi Dato' Lembaga tiga puluh ringgit, ingat besar ke tiga puluh ringgit. Hari ini dah 200 sebulan. Tiap-tiap bulan 200 ringgit pencen.

SNA : **Jadinya sekarang ini berapakah jumlah bayaran yang diperolehi?**

DHA : Mano (mana)? Dato' Lembaga 200, Penghulu Luak 800, Undang lagi banyak. Hah itu sahaja, Buapak takdo [tiada] muo [semua] takdo [tiada], tapi elaun kehadiran mesyuarat Dato' Lembaga lapan puluh ringgit, Buapak enam puluh ringgit, bicara tanah hah itu deh [nya]. Itu bukan *discuss* [urusan] kerajaan kan,

kita pula memberi, tuan tanah yang beri, hah itulah.

SNA : Jadinya, adakah elaun ini akan dibayar pada setiap bulan?

DHA : Setiap bulanlah yang 200 tu [itu] tiap-tiap bulan. Yang ini bicara tanah ajo [sahaja].

SNA : Jadinya untuk elaun itu, siapakah yang membayar elaun tersebut?

DHA : Pejabat daerahlah, setiausaha kerajaan dimasukkan dalam akaun.

SNA : Jadinya adakah Yang Dipertuan Besar itu terlibat dalam menentukan had bayaran?

DHA : Tak [tidak], dia takda [tiada].

SNA : Daripada Pak Ucu - - daripada Dato' menjadi Lembaga itu adakah sebarang jumlah kenaikan jumlah elaun tersebut?

DHA : Dato' cerita tadi mula Dato' jadi Lembaga tiga puluh ringgit. Itu di atas usaha dato' sendiri, hari nak [hendak] pilihan raya Dato' bekerja penerangan hantar surat kepada Menteri Besar, Menteri Besar siapa pada masa itu? Datuk Mat Isa [Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad]. Ceritakan dia terang-terang "Datuk, kalau tak [tidak] dinaikkan pencen Dato' Lembaga ini kita kalah". Sebab segala Dato'-Dato' Lembaga anak buah eh, (bunyi kereta lalu) polis pun anak buah eh [nya], yang Tiga Batu, dua belas suku tadi kan, ada lagikan, mana orang tahu suku. Dan pula canang-canang [di uar-uarkan] orang Datuk Rais [Dato' Seri Dr. Rais Yatim] bertanding di sini. Lepas itu macam mana, dato' mintak tolong naikkan pencen Dato' Lembaga. Datuk Isa [Tan Sri Mohd Isa Abd Samad] dipanggil eh [nya] dato', Dato' Jempol, dipanggilkan setiausaha kerajaan diberi penerangan ini ini. Apa kata Isa, itu bukan kerja dia, Datuk Rais kata dia, Dato' dah [sudah] runding mo [dengan] dia dah [sudah], okay [baiklah] diharap bona [sangat] Dato'-dato' Lembaga tolonglah sokong Barisan Nasional, pilihlah yo [ya].

Monang [menang], langsunglah naik tujuh puluh ringgit. Itu Jempol sahaja lain takda [tiada]. Lepas dapat dek [pada] Mat Hassan [Datuk seri Muhammad Bin Hassan] ni [ini], disatukannya 200 ringgit. Hah tulah deh [dia].

NHA : Okay [baiklah], seterusnya boleh tak [tidak] Dato' ceritakan soal harta pusaka di dalam Adat Perpatih?

DHA : Harta pusaka macam mana?

NHA : Berkenaan boleh ke tanah adat ini dijual?

DHA : Baik, ikut peraturan adat tanah adat tak [tidak] boleh dijual beli. Kerana apa tidak boleh dijual beli tanah ini bukan mak ayah kita punya, macam mak ayah kita punya senang, ini nenek moyang kita, entah siapa punya turun menurun. “Kau mati beri kat [pada] anak kau, mati anak kau sok [nanti] bagi kat [pada] anak nia [ini], siapa tahu. Tanah pusaka adat diketuai oleh Dato' Lembaga. Ikut peraturan pula kalau tanah tu [itu] hendak diusahakan hendaklah ditandatangani oleh Dato' Lembaga. Kalau takdo [tiada] itu tak [tidak] boleh.

NHA : Jenis harta yang diwarisi?

DHA : Harta waris macam mana? Ah, dia tiap-tiap orang yang nak [hendak] nikah kot [kalau] perempuan Negeri Sembilan, orang luar lah contoh eh [nya] nikah yo [ya] dia apa yang dibawa eh [nya] harta lah, tanah ke kereta ke tak [tidak] kira dan dia pula nikah situ apa harta yang dapat oleh dia dek [oleh] isteri dia. Yang ketiga apa, harta sepencarian dia dua laki bini [suami isteri]. Baik, (bunyi motor lalu) harta bawaan, harta bawaan ini si suami tadi dia sebelum nikah lagi sama isteri dia tadi ni [ini] dia dah [sudah] ada harta eh [nya]. Ye tak [tidak], kot [kalau] kebun sikit, kereta sikit tak [tidak] kira. Lepas tu [itu], bila dia nikah - - Buapak hari itu atau pak saudara ke datang jumpa dia. Hari ini marin [dahulu] orang kita ada gelar, kalau orang nikah dulu gelar Mat alin ke, macam-macam lah, lebai ke aji-aji lah. “Alin, onghah [pak ngah] datang ke mari jumpa nak [hendak] menyerahkan tanah ni di rumah, den serah rumah kat [pada] kau

nia [ini], kot kocik [kecil] nak [hendak] besarkan diminta pelihara, kot [kalau] bocor anulah [baikilah]. Sawah itu deh dopan [depan] panjang, cangkullah. Apa nama laie [lagi] nak? Nia [ini] dia harta, hah getah ni [ini] poeilah [pergi] potong, diserahkan tu [itu]. Lepas itu besok, kot [kalau] nak [hendak] senang pokok dek kaulah [ikut kau lah], rumah nia [ini] kot [kalau] nak [hendak] pocah [pecah] nak [hendak] kocik [kecil] sebar-sebarkanlah. Habis sampai bila ni [ini]? Harta ini bila pendek umur jodoh pertemuan cerai kau, ada ke orang ambil harta ni [ini], tak [tidak] boleh, bukan pencarian kau, bukan harta kau, yang kau bawa tadi ni [ini] hah. Lepas itu pula, harta pencarian pula sama kita hidup beli tanah dua tiga ekar lepas itu kita bahagi dua. Ya, kena bahagi dua, namanya harta pencarian. Harta bawaan, harta pendapatan, harta pencarian, yang selalu krisis orang luar nikah bila di cerai pertemuan, dihalau dek [oleh] kawan [pasangan] eh [nya] keluar sehelai sepinggang. Apa sebab takde [tiada] harta orang ni [ini] bawa [bawa], memang orang susah, memang pemaleh [pemalas] padahal kita dah [sudah] bagi dah [sudah] tanah, usahakanlah. Itu yang timbul dikatakan orang tu [itu] Adat Perpatih Negeri Sembilan ini keluar hukum syarak. Harta dapat dek [oleh] orang perempuan orang laki [lelaki] tak [tidak] dapat, hah itu deh [dia]. Baru ini Dato' telah bagi ceramah budak Universiti Islam Antarabangsa, mana, di Pejabat Daerah Jempol. Saya ingat ramai rupanya lapan eh [nya] sebelas orang semua orang perempuan termasuklah apa, Professor dua orang. Itulah soalan pertama kat [pada] Dato'. Uuaaii, semua bijak-bijak, awak (merujuk kepada dirinya) bukan orang universiti. Ditekan cukup, "Ini deh [dia], tuan punca eh [nya] yang dihebohkan hari ini sebab tanah". Yang pertama saya bagi tiga. Yang pertama tanah pembawa, harta pembawakan, harta pendapatan, harta pencarian. Harta bawaan bila jadi yang utama ambillah dia tak [tak] nak [hendak] orang perempuan kita do [ya]. Lepas tu [itu], harta pemberian juga jangan kau usik, ini kami punya. Harta pencarian ini dibahagi dua, ikut hukum faraid. Macam mana pulak [pula] yang mengatakan salah dari segi hukum? Hah itu, saya dah [sudah] dibandingkan siapa yang nikah dengan Negeri Sembilan ini cukup beruntung. Apa tak eh, tanah bagi eh [nya], rumah bagi eh [nya] semua eh [nya], usahakanlah. Orang melaku [berkelakuan] macam ni [ini] orang pemaleh, Dato' kobakan [beritahu]. Dibagi rumah tak [tidak] bolo [jaga/pelihara] runtuh, bagi sawah tak nak [tidak mahu] cangkul, apa salah dio [dia], apa yang tak [tidak]

untung. Bila besok kita ni [ini] anak kita dah [sudah] besar rumah mo [dengan] tanah ni kan bagi anak kan, kau menumpang je tu [itu], takkan nak [hendak] kau nak [mahu/hendak] nongok [tinggal] sepanjang-panjang eh [nya], macam mana anak kau besok, menumpang, hah tu [itu]. Hah itu deh [dia] punca eh [nya].

SNA : Jadinya, apa yang kita bincangkan tadi, jadinya apa itu tanah adat?

DHA : Apa itu tanah adat. Tanah adat ini ialah keturunan daripada nenek moyang, daripada atuk nenek moyang kita marin [dahulu], entah berapa ratus keturunan. Contoh macam nia [ini], ini (merujuk kepada kami berdua) dah [sudah] berapa keturunan ini, kira yang barulah. Bila dato' dah [sudah] mati, bagi kat [pada] anak eh [nya] mati bagi kat [pada] anak eh [nya], buat empat tiga keturunan dah poie [pergi] kat [pada] anak eh [nya]. Itu tanah adat.

SNA : Jadinya saya nak tanyalah, selain daripada dekat Negeri Sembilan ini, ada tak negeri-negeri lain yang mengamalkan Adat Perpatih ini?

DHA : Amalan Adat Perpatih dalam negeri Semenanjung ini takdo [tiada]. Negeri Sembilan takdo [tiada], eh selain dari Negeri Sembilan takdo [tiada]. Negeri Sembilan bukan keseluruhan, Port Dickson Temenggung, nak [hendak] buat macam mana. Tapi Raja Perak Adat Perpatih, dia mengikutlah tapi bukan Adat Perpatih, dia mengikut cara Adat Perpatih dan raja keturunan anak. Perak tak [tidak], keturunan waris hulu hilir, hulu hilir tapi tak [tidak] tahulah sekarang ni [ini] kalau dah [sudah] ditukarkan eh [nya] diubah-ubah eh [nya]. (bunyi motor)

Audio Closing

NHA : Pada pendapat Dato' adakah Adat Perpatih sesuai untuk diamalkan pada zaman kini?

DHA : Baik, Dato' maklumkan orang putih merintah Malaysia ni [ini] amal Adat Perpatihlah. Di sini dia ambil turutnya, di sini dia ambil peraturan dari segi pentadbiran pilihan raya ikut adat. Dia tak [tidak] boleh tunjuk sorang [seorang]

kan kena ramai, (bunyi kenderaan lalu) hah adatliah tu [itu]. Dato' Lembaga macam itulah pilih eh [nya] marin [dahulu], itu tak boleh.

NHA : **Dari segi pemerhatian bagaimana pene- penerimaan anak muda terhadap adat ini?**

DHA : Penerimaan anak muda ini panjang sikit cerita eh [nya]. Sampai Dato' mengadap raja, Tunku Jaafar marin [dahulu]. Bila dapat Dato' jadi Dato' Shah Bandar tahun '84, Dato' Jempol di masa itu dah mula orang muda kurang minat pasal [tentang] adat. Sebab yang pertama Dato'- Dato' Lembaga tak [tidak] ambil peranan bagi tahu anak buah eh [nya] bahkan anak buah sendiri tak mengaku apa waris dia, "Tak tahu tok [Dato'], apa Buapak kau tak tahu tok [Dato']". Jadi, Dato' berunding mo [dengan] Dato' Jempol kita hidupakan balik adat ni [ini] kerana sebab takda [tiada] panduan. Adat ni [ini] tersirat, tahu tersirat, tahu tak? Tersirat eh [nya] tak bertulis, berpikir je, kadang-kadang anak buah poie [pergi] jumpa Dato' Lembaga ada nia [ini] tok [Dato'] kadang Dato' Lembaga langsung tak kerumun [bergaul] anak buah, hilang. Yo [ya] lepas itu Dato' jumpa Dato' Jempol kita mengadap Tunku. Poie [pergi] mengadap Tunku Jaafar di istana. Tanya Tunku "Apahal [kenapa] ni [ini] Dato'?" Saya nak [hendak] mengadap Lembaga tuanku. Ye, hubungan adat. Marah tuanku. "Adat ini Dato' tahu tak [tidak], tersirat bukan tersurat". "Begini Tunku, dek [kerana] tersiratlah maka patik datang ke mari". Nak [mahu] dibuek [dibuat] buku sebab hari ini Dato' tengok Tuanku, adat ni [ini] dah [sudah] pemuda tak [tidak] buat dia tak [tidak] tahu. Ini bila kita buek [buat] disuratkan bila Dato' itu mati sapo [siapa] pun mati ada buku bacaan. Ini mula asal buek [buat] buku ni dato' bawa ni, lepas tu [itu] Tunku monung [termenung], Allah". Lepas itu, kami nak [hendak] buek [buat] satu majlis penerangan adat. Di mana nak [hendak] buek [buat], Istana Serting Hilir, istana tu [itu]. "Hara gini lah kena buek [buat] istana poielah [pergilah] buek [buat] situ. Mana ambil duit, bukan sikit-sikit duit, lembaga pencen tiga puluh ringgit Tuanku macam mana nak [hendak] belanja, tiga puluh enam mana tahan sebulan belum beribu". "Hah ginia [begini] lah kata dia, dia dah [sudah] terpikir "Kau buat di istana beta bagi sepuluh ribu". Sepuluh ribu bagi buat,

Tunku perasmikan [merasmikan], buek [buat]. Hah dah [sudah] dibuek [dibuat] Tunku ini pun buat satu majlis di Seremban. Majlis Pembandaran Seremban dia perasmikan [merasmikan], disentuh eh [nya] macam-macam. Dia professor apa – nama ni [ini] bahagian universiti ini yang besar apo name [apakah]. Canselor hah Canselor Universiti Malaya. Diucapkan dia tu [itu] dia minta kepada pengaji-pengaji universiti-universiti, “Kena ambil peranan penting Adat Perpatih hendaklah dibukukan”. Giang [gembira] hati dato’ itu (perasaan gembira). Habis *history* [sejarah] tu [itu] hah Dato’ Samad, ni [ini] Samad kan panggil Dato’ Lembaga hulu Muar, Jempol, Terachi, Pasir [Pasir Besar] hah ini lah ni panggil undi. Barulah dapat wujud Adat Perpatih barulah banyak penerangan Adat Perpatih. Jadi, bila dah – dah [sudah] tubuh wujud ni [ini] ada orang kobakan [kata] Adat Perpatih adat ni [ini] tok [Dato’] habis. Saya kobakan [mengatakan] selagi hidup Yamtuan Besar Negeri Sembilan selagi hidup Undang Empat selagi hidup Dato-dato’ Lembaga Negeri Sembilan ni [ini] haram tak [tidak] mampus dah [sudah] sampai akhirat. Lepas itu, banyaklah orang-orang merang-merang kan nya [menerangkan] dia pun lah. *Start* [mula] daripada itu, orang pun banyaklah datang ke rumah Dato’ ni [ini]. Budak Universiti Pertanian, Universiti Malaya kursus apa nama itu D.O [*District Officer*] ni [ini], INTAN [Institut Tadbiran Awam Negara] semua datang, keluarga angkat pelajar budak Terengganu semua budak Negeri Sembilan tak ada [tiada]. Dato’ pergi melawat di Perlis – pergi melawat Perlis dihobin [pukul] dek [oleh] orang Perlis, koba [kata] macam-macam lah jangan pergi situ, kawan-kawan Dato’ lah. Sudah itu kita bagi penerangan yang ringkas ceramah di situ maka banyak orang Perlis nikah di sini. Betul adat kita siapa kobakan [kata] salah. Pada pandangan kami, dia hari ini (bunyi motor) walaupun puncanya daripada ini ialah yang mula nikah dengan orang Negeri Sembilan ni [ini] banyak orang luar. Dia ni [ini] tak pedulilah ye tak [tidak] itu punca eh. Tapi hari ini dah mula ingat sudah.

NHA : **Sebagai tambahan, kenapa orang dari negeri lain takut untuk berkahwin dengan orang Negeri Sembilan?**

DHA : Hah dah dato’ cerita tadi. Tahu tadi tak? Yang sehelai sepinggang tadi, yo [ya] kau pemaleh [pemalas]. Tanah diberi kawan diberi usahakanlah, rumah diberi.

bukan takut siapa koba [kata] takut? Dia tak [tidak] tahu sebabnya dia tak [tidak] tahu adat.

SNA : **Jadinya adakah perubahan ataupun revolusi perkah- perkahwinan pada masa kini akan menjejaskan adat-adat ini untuk dilaksanakan?**

DHA : Tak, takdo [tiada]. Takdo takdo do [tidak].

SNA : **Jadinya generasi muda kini adakah mereka masih berminat untuk mengetahui asal usul suku mereka?**

DHA : Dah [sudah] mula dah [sudah]. Dah [sudah] mula dah [sudah] nampak. Pasal apa itu Dato` dah [sudah] tunjukkan buku nia [ini]. Dah [sudah] dibuek [dibuat] kita dah [sudah] bagi penerangan. Ye [ya] marin [dahulu] dia tak [tidak] tahu. Dato` masuk kerja pejabat daerah kawan-kawan Dato` tu [itu] tak [tidak] tua tu [itu] turun rumah Dato` datang meja “Dato` nak [mahu] bicarakan tanah tok [Dato`]”. “Tanah apa”, tanah pusaka. “Mano” [mana], Kampung Lonek. “Mak ayah kau sapo” [siapa], nia nia nia [ini]. “Kau waris apo, tak [tidak] tahu”, padahal dia itu waris Tiga Batu. Hah kat [dekat] dato`. Dato` waris Biduanda bukan Dato` Lembaga Tiga Batu. Hah itu dia tak [tidak] tahu adat, tak [tidak] tu [itu] suku waris eh [nya]. Hari ini dah [sudah] banyak dah generasi muda ni [ini] dah [sudah] mula sikit-sikitlah, nak [hendak] anu [buat] kang [nanti] serik khususnya kenduri –kendara ini timbul sikit. Kenduri-kendara hari ini tak [tidak] macam marin [dahulu], marin gotong-royong kita buat ramai-ramai suku waris kita anak-beranak kita. Hari ini *Catering* [katering]. Apa sebab?

- NHA : **(bunyi telefon ditarik) Okay, setelah banyak maklumat yang kami perolehi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah pada hari inilah.**
- DHA : Tu deh [itu sahaja], lagi? Lain takdo [tiada]? Hah begitulah, Dato' begitu jugalah banyak terima kasihlah kalau ada kat [pada] semua datang ke mari untuk nak [hendak] mempelajari nak [hendak] bertanya macam mana Adat Perpatih ye tak [tidak], macam mana nak [hendak] menguruskan dan sebagainya. Jadi Dato' ucapkan banyak terima kasihlah. Apa harapan, jangan di sia-siakan Adat Perpatih. Selagi ada bumi selagi – selagi ada Yamtuan Besar Negeri Sembilan ini selagi ada Undang yang Empat selagi Dato-Dato' ni [ini] selagi itulah Adat Perpatih kita jalan dengan baik. Bila tanya dek orang esok, ekau [kau] suku apo, apo nak [hendak] jawab.

LOG TEMU BUAL

LOG TEMU BUAL

Temu bual 14 Oktober 2017

MASA	PERKARA	CATATAN
'TEMU BUAL PERTAMA'		
00:00:00 00:12:56	Temu bual pertama	▪ Adat Perpatih di beberapa daerah ▪ Istiadat Adat berbeza mengikut Luak ▪ Gelaran Dato' bagi setiap suku
00:13:07- 00:17:50	Temu bual pertama	▪ Bawah daripada jawatan Lembaga adakah mempunyai pihak lain. ▪ Menyentuh senarai suku.
00:18:02- 00:20:25	Temu bual pertama	▪ Perkahwinan sesama suku.
00:20:33- 00:21:37	Temu bual pertama	▪ Pakaian yang dipakai semasa adat yang melibatkan urusan tanah.

Temu bual 11 November 2017

MASA	PERKARA	CATATAN
00:00:00- 00:00:09	Ucapan pembukaan temubual	
<i>‘ORIENTATION QUESTION’</i>		
00:00:10- 00:01:39	Orientation question	Latar Belakang ▪ Ali Bin Naam ▪ Gelaran: Dato` Shah Bandar ▪ 78 tahun ▪ Dilahirkan di Kampung Tebat. Batu Kikir ▪ Dibesarkan di Kampung Kuala Jempol, Cacar ▪ Menetap di Kampung Kuala Sialang semenjak tahun 1962
00:01:40- 00:03:10	Orientation question	Tentang Keluarga ▪ Nama Isteri: Zahrah Binti Mat Isar ▪ Umur:72 tahun ▪ Pekerjaan: tidak bekerja ▪ Cahaya mata: Dua belas orang (Enam lelaki enam perempuan) ▪ Nama Ibu: Achik Bin Abd Rashid ▪ Nama Ayah: Naam Bin Tahid ▪ Jumlah adik beradik Empat orang ▪ Anak yang kecil sekali

00:03:11- 00:03:26		Latar belakang pendidikan ▪ Sekolah Kebangsaan Jempol, Kuala Jempol ▪ Sekolah Kebangsaan Serting Hilir
00:03:27- 00:08:48	Orientation question	Pekerjaan Tamat sekolah rendah: ▪ Ladang getah milik orang putih ▪ Malay Rompin Estates ▪ Kalting Estates Bekerja dengan kerajaan dan bekerja sendiri: ▪ Jabatan Pengaliran dan Saliran ▪ Kerani di Lengong Ulu Estates sehingga ladang ini dijual ▪ Juru Ukur ▪ Berniaga di kedai runcit ▪ Menjadi guru bagi Kelas Perpaduan Rakyat selama lebih kurang 10 tahun ▪ Pegawai Penerangan Khas, Daerah Jempol bagi Kawasan DUN Serting sehingga berumur 55 tahun ▪ Ketua Kampung Kuala Sialang dan Bukit Kelulut ▪ Ketua Mukim di Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ▪ UMNO Cawangan ▪ UMNO Bahagian ▪ Ahli Persatuan Peladang Jempol ▪ Pengerusi Persatuan Peladang Jempol ▪ Pengerusi Koperasi Serting Tengah dan Batu Kikir Jempol Berhad

		hampir 15 tahun serta Ketua Unit Peladang Kampung kuala Sialang, Jempol.
'COMMON QUESTION'		
00:00:05- 00:27:23	Common question	Adat Perpatih ▪ Berasal dari Sumatera Barat, Indonesia ▪ Buku bertulis tangan ▪ Di bawa oleh Dato' Sempedang ▪ Menerangkan tentang sejarah Dato' Sempedang belayardari Sumatera Barat sehingga sampai ke Negeri Sembilan. Asal-usul Jempol ▪ Memberitahu nama-nama tempat yang di lalui dan di buka oleh Dato' Sempedang bersama Sembilan saudara sehingga sampai ke Jambu Lapan ▪ Sejarah pemberian nama Jambu Lapan dan pembukaanya ▪ Kedatangan saudagar dari pelbagai tempat ▪ Sejarah pemberian nama tempat iaitu Penarikan dan Parit Siam Tun Hang Tuah melarikan Tun Teja mengikut jalan ini ▪ Dato' Sempedang berulang-alik ke Sumatera selepas negeri maju dan orang Sumatera berhijrah ke Negeri Sembilan ▪ Menyatakan suku-suku datang dari

		Minangkabau dan memberikan negeri untuk dibuka sehingga ke Tengkek. ▪ Pernyataan bahawa dato' Sempedang memanggil Sembilan saudara berkumpul untuk menentukan kerajaan. Cerita yang lain: ▪ Menceritakan tentang perihal Dato' Tun Perpatih ▪ Orang yang mengasaskan Adat Perpatih ▪ Anak Raja Minangkabau: Tun Perpatih, Temenggung dan Sri Banun ▪ Menceritakan di mana Tun Perpatih belajar ▪ Menceritakan tentang halangan yang di lalui oleh Tun Perpatih untuk belayar hingga perlu di semah dan dilakukan oleh Sri Banun ▪ Menceritakan apa yang berlaku ketika di lautan (lahirnya Tanggang). ▪ Menceritakan Tun Perpatih berjumpa Dato' Sempedang ▪ Menyatakan Dato' Sempedang yang membuka Jempol Cerita yang lain: Kewujudan Jempol ▪ Menjelaskan kejadian yang berlaku untuk memilih ketua.
--	--	--

		▪ Diberikan seorang perempuan ▪ Mencari Daim di Pasir Besar ▪ Menceritakan bagaimana Daim boleh menjadi Dato' jempol , alat kebesaran serta gelaran yang diberikan oleh Undang Johol ▪ Menyatakan kenapa Dato' Shah Bandar lelaki di lantik Cerita tentang Jempol ▪ Menerangkan asal keturunan nama Jempol (anak orang Asli yang mati dibunuh) dan bagaimana Sungai itu dinamakan Sungai Jempol
00:27:24- 00:30:09	Common question	Suku dan jumlah suku ▪ Menyatakan maksud suku dan jumlah suku Nama Suku ▪ Menyatakan nama Suku-suku yang berada di Luak Jempol
'SPECIFIC QUESTION 1'		
00:00:01 – 00:09:03	Specific 1	▪ Menerangkan maksud jawatan lembaga dalam Adat Perpatih. ▪ Menerangkan maksud berkerjan. ▪ Menyentuh soal kenduri – kendara (perkahwinan) iaitu menceritakan risik nenduai.
00:09:05 – 00:09:59	Specific 1	▪ Menerangkan soal pakaian yang perlu dipakai oleh Dato' Lembaga ke majlis perkahwinan.
00:10:02 – 00:10:38	Specific 1	▪ Jemputan untuk Dato' Lembaga menghadiri majlis perkahwinan.

00:10:51 – 00:13:31	Specific 1	▪ Keistimewaan layanan dari segi hidangan makanan untuk Dato' Lembaga semasa kenduri.
00:13:36 – 00:14:30	Specific 1	▪ Menyentuh persoalan perkahwinan sesama suku.
00:14:50 – 00:17:40	Specific 1	▪ Tugas / peranan lembaga. ▪ Bagaimana menjalankan tugasnya. ▪ Cabaran semasa menjalankan tugas.
<i>'SPECIFIC QUESTION 2'</i>		
00:00:01 – 00:00:25	Specific 2	▪ Tempoh memegang jawatan sebagai Dato' Lembaga.
00:00:29 – 00:04:35	Specific 2	▪ Cara / proses perlantikan Dato' Lembaga dilakukan.
00:04:39 – 00:05:25	Specific 2	▪ Pemilihan dipilih oleh siapa. ▪ Siapa wang terlibat dalam pemilihan.
00:05:32 – 00:06:16	Specific 2	▪ Adakah pangkat sebagai lembaga boleh dinaikkan kepada jawatan Dato' Undang.
00:06:19 – 00:06:42	Specific 2	▪ Adakah jawatan lembaga boleh diwarisi kepada anak mereka.
00:06:44 – 00:07:37	Specific 2	▪ Syarat / ciri-ciri diperlukan untuk jawatan lembaga.
00:07:49 – 00:12:13	Specific 2	▪ Adakah bayaran / gaji diterima oleh Dato' Lembaga. ▪ Jumlah bayaran yang diperolehi. ▪ Siapa yang membayar elaun tersebut. ▪ Kenaikan jumlah elaun yang diterima.
00:12:16 – 00:20:05	Specific 2	▪ Soal harta pusaka. ▪ Tanah adat tidak boleh dijual. ▪ Jenis harta yang diwarisi.

		▪ Maksud tanah adat.
00:20:07 – 00:21:11	Specific 2	▪ Adakah negeri lain ada mengamalkan Adat Perpatih.
‘CLOSING’		
00:00:01- 00: 00:45	Closing	▪ Pendapat Dato’ Haji Ali Bin Naam tentang amalan Adat Perpatih pada masa kini untuk diamalkan.
00:00:49- 00:07:47	Closing	▪ Penerimaan anak muda terhadap Adat Perpatih.
00:07:50- 00:08:50	Closing	▪ Orang luar berkahwin dengan orang Negeri Sembilan. ▪ Persoalan adakah perubahan perkahwinan pada masa kini menjejaskan adat untuk dilaksanakan.
00:08:53- 00:10:23	Closing	▪ Minat generasi muda untuk ambil tahu asal usul suku mereka.
00:10:34- 00:11:50	Closing	▪ Ucapan terima kasih kepada Dato’ Haji Ali Bin Naam. ▪ Harapan beliau terhadap Adat Perpatih.

RALAT

Sesi temu bual bersama tokoh pilihan kami iaitu Haji Ali Bin Naam telah dijalankan di kediaman beliau di Kg. Kuala Sialang, Negeri Sembilan. Sepanjang sesi wawancara tersebut, terdapat beberapa gangguan yang kami perolehi yang dapat dirakam oleh alat perakam suara kami. Antara gangguan yang dihadapi adalah seperti yang di senaraikan di bawah :

- Bunyi suara budak dan orang bercakap
- Bunyi kapal terbang
- Bunyi loceng
- Bunyi enjin kenderaan
- Gangguan teknikal (bunyi telefon ditarik)
- Bunyi burung berkicauan
- Bunyi batuk
- Bunyi kenderaan lalu
- Bunyi lalat
- Bunyi orang berlari

GLOSARI

GLOSARI

A	
Adat	Peraturan yang sudah di amalkan turun- temurun (sejak dahulukala) di dalam sesuatu masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus di patuhi
Adat Perpatih	Merupakan undang- undang yang tidak bertulis berasal dari Sumatera Barat dan diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang.
B	
Bermastautin	Menetap atau tinggal di sesuatu negeri atau Negara
Barisan Nasional	Salah satu parti politik kerajaan
Buapak	Ketua perut yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan perselisihan faham dalam perut di bawah jagannya.
C	
Canselor	Ketua kehormat sesebuah university. ketua eksekutif atau ketua pentadbir sesebuah universiti.
D	
Dam	Merupakan denda yang di kenakan kepada mereka yang mahu menyandang pusaka
Department of Irrigation and Drainage	Merupakan Jabatan Penagairan dan Saliran yang bertanggungjawab terhadap semua isu air di Negara Malaysia

Di bodak langekan	Di mandikan dengan air limau nipis dan di pakaikan pakaian untuk upacara menjadi seorang Lembaga
District Officer	Orang yang bertanggungjawab untuk pentadbiran tanah, pembangunan luar Bandar, pentadbiran dan kewangan dan lain- lain
DUN	Merupakan wakil Dewan Undangan Negeri bertanggungjawab sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.
E	
Epok	Kampit kecil bertutup yang di anyam daripada mengkuang dan lain- lain untuk bekas sirih
Estet	Ladang atau kebun yang luasnya lebih daripada seratus ekar
G	
Government	Badan kerajaan yang memerintah sesuatu Negara
H	
Harta bawaan	Harta ini merupakan milik kaum lelaki yang dihadiahkan oleh ibu bapa si lelaki
Harta pencarian	Adalah harta baru hasil kerjasama antara suami isteri
Harta pendapatan	Harta yang sedia ada khusus milik isteri yang telah diberikan oleh ibu bapanya. Tujuan harta dapatan ini ialah semata- mata untuk kepentingan si isteri.
I	
Ibu Soko	Merujuk kepada wanita/ perempuan yang berilmu dann berpengalaman tentang peradaban dan kehidupan yang boleh di jadikan rujukan dan juga panduan
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara yang menawarkan kursus berkaitan untuk melatih kakitangan awam

	yang berkhidmat di dalam agensi kerajaan
K	
Kerjan	Merupakan kenduri yang dilakukan untuk menjamu anak buah iaitu waris untuk mengisytiharkan lantikan seorang Lembaga
Kuli	Orang yang membuat kerja kasar atau kerja berat
L	
Lembaga	Ketua suku yang bertanggungjawab menjaga anak buah
M	
Mato bonih	Merupakan calon untuk mengisi kekosongan jawatan Lembaga
Menteri besar	Gelaran bagi ketua Eksekutif kerajaan negeri di Malaysia
Minangkabau	Satu daerah yang terletak di Indonesia
Mudik	Belayar atau pergi ke hulu sungai
P	
Pusaka	Merupakan jawatan untuk di sandang oleh Lembaga dan Buapak
Perut	Kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu moyang
Pejabat daerah	Menguruskan hal berkenaan tanah dan yang berkaitan di dalam sesebuah negeri tersebut
Pinang lanang	Pernyataan hajat atau hasrat untuk meminang pihak perempuan untuk menjadikan anak perempuan pihak yang dirisik sebagai bakal isteri dan hasrat ini samada diterima atau di tolak oleh keluarga pihak

	perempuan.
Pokok dek kau	Bermaksud ikut suka awak
R	
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
Risik Nenduai	Wakil daripada pihak lelaki iaitu selain ibu bapa pergi ke rumah pihak perempuan untuk merisik
S	
Sejambar	Makanan yang dihidaangkan dalam satu dulang yang sama
Semah	Jamuan makan dan lain- lain yang di berikan kepada hantu atau orang halus dengan sesuatu tujuan/ menjadikan sesuatu sebagai korban untuk sesuatu upacara.
Suku	Kelompok kekeluargaan yang besar. Keanggotaan dalam suku adalah berdasarkan kelahiran dan kadim. Setiap individu mempunyai satu suku sahaja.
Survey	Meninjau, memandang, memeriksa, mengukur dan membuat peta
T	
Tanah adat	Merupakan harta pusaka berbentuk sebidang tanah yang tidak boleh di jual sampai bila- bila
Tombak berbulu	Merupakan alat kebesaran yang di berikan kepada Dato' Daim yang menyandang gelaran Dato' Lela Putera Sitiawan Penghulu Luak Jempol
U	
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
Undang	Merupakan kuasa tertinggi di dalam Adat Perpatih.

	Dato` Undang berkuasa di dalam Luak yang mereka duduki
Upacara tanah	Proses pemindahan atau pengalihan nama dan hak milik.
W	
Waris	●orang atau pihak yang berhak untuk menerima pusaka orang yang telah meninggal
Y	
Yamtuan Besar	Merupakan gelaran yang diberikan kepada pemerintah atau ketua negeri di Negeri Sembilan sebelum di tukar gelaran ini kepada Yang di-Pertuan Besar.

KESIMPULAN

KESI MPULAN

Sebagai kesimpulan, Adat Perpatih mempunyai sejarah yang tersendiri. Hal ini demikian, ia mulai tersebar dengan penghijrahan Datuk Sempedang, Datuk Tun Perpatih dan penduduk dari Sumatera Barat, Indonesia yang bermastautin di Negeri Sembilan. Perjalanan tentang sejarah kewujudan Jempol serta kaitannya dengan Adat Perpatih diperjelas di dalam artikel ini. Dato' Haji Ali merupakan seorang Lembaga di dalam Adat Perpatih bagi Suku Biduanda dan gelaran yang disandangnya adalah Dato' Shah Bandar. Beliau telah diketengahkan kewujudannya di dalam artikel ini untuk membantu penerangan dan pemahaman perkara berkaitan Adat Perpatih. Hal ini kerana, beliau merupakan seorang Dato' Lembaga yang berpengalaman dan mengetahui hal-hal berkaitan Adat Perpatih.

Oleh itu, peranan yang digalas oleh mereka mampu membantu anak-anak buah yang mempunyai permasalahan berkaitan harta pusaka seperti mengesahkan bahawa seseorang itu adalah daripada sukunya. Selain itu juga, peranan mereka diteruskan lagi di dalam hal berkaitan perkahwinan dengan menghadiri jemputan-jemputan yang di aturkan dan dijemput oleh Buapak. Sebagai tambahan, cabaran yang dihadapi demi melaksanakan Adat Perpatih juga dirasakan oleh Dato' Haji Ali serta memberikan pendapat beliau tentang kesesuaian adat ini untuk diamalkan dan penerimaan anak muda pada zaman ini. Sesungguhnya Adat Perpatih itu merupakan undang-undang yang tersirat dan perlu difahami dengan baik.

RUJUKAN

RUJUKAN

Ali Bin Naam, Haji. (2017, Nov 11). Personal Interview.

A. Samad Idris, Tan Sri, Abdul Muluk Daud, Muhammad Tainu, Haji & Nor Halim Haji Ibrahim. (1994). *Negeri Sembilan, gemuk di pupuk, segar bersiram: Luak Tanah Mengandung*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Makiah, Tussaripah Hj Jamil, Hajah & Jamaliah Mohd Taib. (2012, June). *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu tinjauan menurut perspektif Islam*. kertas di bentangkan di ResearchGate,

Mohd Rashidi Bin Zainal. (2018). Kajian landskap budaya di Kampung Kuala Kepis, Bahau Jempol, Negeri Sembilan. *Scribd*. Diperoleh daripada https://www.scribd.com/mobile/doc/20406255/PENGENALAN-SEJARAH#close_user_settings_menu

Wartawan Sinar Harian. (2016, Feb 16). Elak sejarah Jempol Terkubur. *Sinar Online*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/melaka-ns/elakterkubur-1.485724>

INDEKS

INDEKS

A

Adat Perpatih 19,30,35,50,52,54

Anak Raja Minangkabau 35

B

Biduanda Pasak 20,21,23

Buapak 23,24,39,40,41,42,43,44,45,46,48,51

C

Calon 44

D

Dato' Lembaga 19,23,25,38,39,40,41,42,43,44,45,46,47,48,51,52,53

Dato' Lela Raja 20,36

Dato' Paduka Tuan 22

Dato' Seri Pahlawan 20,21

Dato' Setia Penghulu 20,21

Dato' Shah Bandar 19,21,22,24,26,37,41,44,45,51

Dato' Si Ammar Menteri 22,36

Datuk Sempedang 31,32,34,35,36

Datuk Tun Perpatih 35

G

Gunung Pasir 19

H

Haji Ali Bin Naam 19

Harta Bawaan 48,49

Harta Pencarian 49

Harta Pendapatan 49

I

Inas 19,32

Indonesia 30,31

J

Jambu Lapan 32,33,34

Jempol 19,36

K

Kampung Kuala Sialang 27,30

L

Lembaga 23,39,41,42,43,44,46

N

Negeri Sembilan 19,31,48,49,50

P

Parit Siam 34

Paya Kumbuh 19,30,38

Penarikan 34

Perkahwinan 24,28,41,42,53

Pusaka 24,37,42,43,48,53

S

Seri Banun 35

Sungai Jempol 33,34,37

Suku 19,20,24,36,38,53

Suku Seri Melenggang 38

Suku Tiga Batu 22,38,39

Sumatera Barat 30

T

Tanah Adat 43,48,50

Tanggung 35,36

Terachi 19,38,52

U

Ulu Muar 19,52

Undang 30,36,37,40,42,45,46,53,54

LAMPIRAN

LAMPIRAN

Biodata Tokoh



Nama	Haji Ali Bin Naam
Nama Gelaran	Dato' Shah Bandar
Umur	78 Tahun
Asal	Kampung Tebat, Batu Kikir Negeri Sembilan
Tarikh Lahir	01 Ogos 1939
Bangsa	Melayu
Agama	Islam
Taraf Perkahwinan	Berkahwin
Pendidikan	▪ Sekolah Kebangsaan Jempol, Kuala Jempol ▪ Sekolah Kebangsaan Serting Hilir
No. telefon	011-21287820
Alamat	No. 29, Kampung Kuala Sialang 72100 Bahau, Negeri Sembilan

Senarai Soalan

Orientation question

1. Apa nama penuh Dato'?
2. Apa nama gelaran Dato'?
3. Kalau macam itu berapa umur Dato'?
4. Jadi bila tarikh Dato' dilahirkan?
5. Di manakah Dato' dilahirkan ya?
6. Di manakah Dato' dibesarkan?
7. Apa nama tempat tinggal Dato'?
8. Kalau begitu sudah berapa lama menetap di sini?
9. Baiklah, seterusnya apakah nama isteri Dato'?
10. Jadinya umur isteri Dato' berapa ya?
11. Jadinya isteri Dato' ni bekerja atau tidak?
12. Melalui perkahwinan itu, berapa orang cahaya mata yang diperoleh?
13. Boleh Dato' serba sedikit ceritakan tentang latar belakang ibu bapa Dato'?
14. Jadinya Dato' ada berapa orang adik-beradik?
15. Dan Dato' anak yang keberapa ya?
16. Baiklah, Kalau begitu di manakah Dato' bersekolah dahulu?
17. Boleh tak Dato' ceritakan tentang pekerjaan- pekerjaan yang pernah disandang?

Common question

18. Baiklah untuk soalan seterusnya ye Dato'. Boleh Dato' terangkan sedikit sebanyak tentang Adat Perpatih.?
19. Dari manakah Adat Perpatih ini berasal sebenarnya?
20. Baiklah berdasarkan apa yang Dato' cakap tentang suku-suku tadi itu. Jadinya Apa itu suku?
21. Baiklah Jadinya berapa jumlah suku yang terdapat di dalam Adat Perpatih?
22. Jadinya apa nama-nama suku- suku tersebut?

Audio specific 1

23. Seterusnya, boleh dato' terangkan apa itu jawatan lembaga?
24. Okay, saya nak tanya, dalam hal perkahwinan ini adakah seorang lembaga ini, dia perlu menghadirinya?
25. Jadinya sebelum bermulanya majlis kenduri itu, adakah ada terdapat sebarang adat untuk menjemput seorang lembaga ini oleh tuan rumah?
26. Jadinya, apakah pakaian yang akan dipakai ketika menghadiri jemputan?
27. Jadinya, ketika kenduri, adakah macam buapak, lembaga dengan undang ini dia boleh makan dalam satu kawasan yang sama?
28. Jadinya, di dalam adat perpatih ini adakah perkahwinan sesama suku ini dibenarkan?
29. Jadinya, apa tugas-tugas atau peranan lembaga di dalam adat perpatih?
30. Jadinya, bagaimana lembaga ini dia menjalankan kerja?
31. Jadinya, ada tak sebarang cabaran sepanjang menjalankan tugas-tugas tersebut?

Audio specific 2

32. Sudah berapa lama dato' memegang jawatan sebagai lembaga?
33. Okay, oleh itu, bagaimana cara ataupun proses perlantikan dilakukan?
34. Jadinya, siapakah yang memilih dato' untuk dilantik sebagai lembaga?
35. Siapa yang terlibat di dalam pemilihan?
36. Boleh ke seorang lembaga dinaikkan pangkat menjadi undang'?
37. Jadinya jawatan lembaga adakah boleh diwarisi kepada anak?
38. Apakah syarat-syarat ataupun ciri-ciri untuk dipilih sebagai jawatan lembaga?
39. Okay, untuk soalan elaun, adakah lembaga mendapat bayaran ataupun gaji dalam menjalankan tugasnya?
40. Jadinya sekarang ini berapakah jumlah bayaran yang diperolehi?
41. Jadinya, adakah elaun ini akan dibayar pada setiap bulan?
42. Jadinya untuk elaun itu, siapakah yang membayar elaun tersebut?
43. Jadinya adakah Yang Dipertuan itu terlibat dalam menentukan had bayaran?
44. Daripada Dato' menjadi lembaga itu adakah sebarang jumlah kenaikan jumlah tersebut?
45. Okay, seterusnya boleh tak dato' ceritakan soal harta pusaka di dalam adat perpatih?
46. Berkenaan boleh ke tanah adat ini dijual?
47. Jenis harta yang diwarisi?
48. Jadinya, apa yang kita bincangkan tadi, jadinya apa itu tanah adat?
49. Jadinya saya nak tanya lah, selain daripada dekat Negeri Sembilan ni, ada tak negeri lain yang mengamalkan Adat Perpatih ini?

Audio closing

50. Pada pendapat dato` adakah adat perpatih sesuai untuk diamalkan pada masa kini?
51. Dari segi pemerhatian bagaimana penerimaan anak muda terhadap adat ini?
52. Sebagai tambahan, kenapa orang dari negeri lain takut untuk berkahwin dengan orang Negeri Sembilan?
53. Jadinya adakah perubahan ataupun revolusi perkahwinan pada masa kini akan menjejaskan adat-adat ini untuk dilaksanakan?
54. Jadinya generasi muda kini adakah mereka masih berminat untuk mengetahui asal usul suku mereka?

Diari Penyelidikan

MINGGU 1	
Masa	10.00 Pagi
Tarikh	11/09/2017
Tempat	MK 5
Peristiwa	▪ Kelas pertama di mana Dr. Azree memberikan pengenalan mata pelajaran IMR 604 dan menerangkan garis panduan dan kandungan mata pelajaran. ▪ Dr Azree mengarahkan untuk mencari pasangan untuk tugas mata pelajaran IMR 604 'Oral Documentation' dan mencari tokoh atau peristiwa sebagai tajuk penyelidikan.
Tindakan	▪ Saya Siti Nur Amirah Binti Md Yasin dan rakan saya Nur Hidayah Binti Abdul Aziz telah bersetuju untuk melakukan tugas ini bersama-sama dan mencari tokoh seperti mana yang di arahkan.

MINGGU 2	
Masa	10.00 Pagi
Tarikh	18/09/2017
Tempat	MK 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree meminta untuk memberikan nama dan tajuk serta memberikan ringkasan tentang tokoh untuk tugas ini.
Tindakan	▪ Kami telah memberikan nama dan senarai tajuk. Kami menyenaraikan sebanyak tiga tajuk iaitu: 1. Ali Bin Naam (memegang jawatan Lembaga di dalam Adat Perpatih). 2. Ali Bin Naam (peristiwa rusuhan kaum di padang lebar) 3. Y.B Dato' Hj. Lilah Bin Hj. Yasin (ADUN Palong) ▪ Serta memberikan ringkasan mengenai ketiga-tiga tajuk dan tokoh yang disenaraikan

MINGGU 3	
Masa	10.00 Pagi
Tarikh	25/09/2017
Tempat	MK 5
Peristiwa	▪ Kelas berjalan seperti biasa dan membincangkan berkenaan tokoh yang di pilih.
Tindakan	▪ Kami telah berbincang bersama Dr. Azree di dalam kelas berkenaan tokoh yang di pilih sama ada sesuai atau sebaliknya. Setelah berbincang dan Dr. Bersetuju untuk kami menjalankan penyelidikan mengenai Haji Ali Bin Naam .

MINGGU 4	
Masa	10.00 Pagi dan 4 Petang
Tarikh	02/10/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr Azree mengarahkan untuk kami menghubungi tokoh yang kami pilih untuk mendapatkan persetujuan mengenai temu bual yang akan dilakukan.
Tindakan	▪ Kami berdua mencari nombor untuk menghubungi Haji Ali Bin Naam serta memperkenalkan diri dan tujuan. Kami mendapatkan persetujuan untuk melakukan temu bual ini.

MINGGU 5	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang
Tarikh	09/10/2017
Tempat	MK 5, Bilik Pensyarah dan Pejabat Polis Bantuan.
Peristiwa	▪ Dr Azree memberitahu bahawa untuk pergi melakukan temu bual kami perlu meminta tanda tangan dan cop pengesahan dari Pejabat Polis Bantuan
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Kami meminta tandatangan untuk Borang pelepasan penceramah luar. ▪ Kami meminta cop pengesahan di Pejabat Polis Bantuan

CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
Masa	10.00 Pagi dan 4 Petang
Tarikh	13-15/10/2017
Tempat	Negeri Sembilan
Peristiwa	▪ Bertemu dengan Haji Ali Bin Naam untuk sesi perkenalan dan mengetahui serba sedikit tentang latar belakangnya dan sesi temu bual di jalankan.
Tindakan	▪ Kami bertemu dengan Haji Ali di rumahnya untuk berkenalan dan menetapkan tarikh temu bual iaitu pada 14/10/2017. ▪ Kami menghubungi untuk mengingatkan tentang perjumpaan pada pukul 2.30 petang. ▪ Kami bertanya tentang latar belakang Haji Ali Bin Naam dan bertanya sedikit sebanyak mengenai pemilihan tampuk pemerintahan YDPB Negeri Sembilan. Namun kurang mempunyai maklumat yang boleh di jadikan bahan penyelidikan. ▪ Kami berbincang untuk menukar tajuk kepada berkenaan Adat Perpatih

MINGGU 6	
Masa	10.00 Pagi , 8 Malam
Tarikh	23/10/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang temu bual.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Memberitahu tentang pertukaran tajuk ▪ Kami berbicang dan merangka mengenai soalan- soalan yang perlu di tanya ▪ Mula mentranskrip untuk audio temu bual kali pertama

MINGGU 7	
Masa	10.00 Pagi, 2.00 Petang
Tarikh	30/10/2017
Tempat	▪ MK 5, Bilik Pensyarah dan Pejabat Polis Bantuan
Peristiwa	▪ Borang pengesahan penceramah luar hilang
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Kami meminta tanda tangan Dr . Azree dan cop pengesahan daripada Pejabat Polis Bantuan untuk kali kedua ▪ Mengambil Borang pengesahan sebelum pergi untuk temu bual.

MINGGU 8	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang dan 4 Petang
Tarikh	04.06 dan 11/11/2017
Tempat	MK 5, Fasa 5 dan Negeri Sembilan
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang temu bual. ▪ Bercadang melakukan temu bual ▪ Menjalankan sesi temu bual
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Menghubungi Haji Ali Bin Naam untuk menetapkan tarikh perjumpaan dan bersetuju untuk berjumpa pada 11/11/2017 ▪ Menghubungi Haji Ali Bin Naam untuk mengingatkan mengenai temu bual ▪ Sampai di rumah Haji Ali Bin Naam pada pukul 4 Petang dan melakukan sesi temu bual (Perbualan ini di rakamkan), dan berakhir pada jam 6.30 Petang.

MINGGU 9	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang
Tarikh	13/11/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya mengenai transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Mula mengubah alih audio kepada teks untuk audio '<i>orientation question</i>'.

MINGGU 10	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang
Tarikh	20/11/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Bertanya mengenai sesetengah perkataan untuk di alih kepada teks.

MINGGU 11	
Masa	10.00 Pagi , 9 Malam
Tarikh	27/11/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Beralih kepada audio '<i>Common question</i>' dan mengubah alih kepada teks.

MINGGU 12	
Masa	10.00 Pagi , 9 Malam
Tarikh	04/12/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Mula mengubah alih audio kepada teks untuk audio '<i>Specific question</i>' bahagian satu


MINGGU 13	
Masa	10.00 Pagi , 9 Malam
Tarikh	11/12/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Mula mengubah alih audio kepada teks untuk audio '<i>Specific question</i>' bahagian dua.

MINGGU 14	
Masa	10.00 Pagi , 9 Malam
Tarikh	18/12/2017
Tempat	MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree bertanya tentang transkrip.
Tindakan	▪ Kelas berjalan seperti biasa ▪ Mula mengubah alih audio kepada teks untuk audio '<i>closing</i>' ▪ Kami bersama- sama memeriksa dan mengenal pasti ayat yang kurang jelas serta meletakkan tanda baca bagi setiap teks yang telah di alih.


CUTI MINGGU PEPERIKSAAN	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang
Tarikh	22 dan 26/11/2017
Tempat	MK 5, Fasa 5 dan KTU
Peristiwa	▪ Kami berbincang dan mengenal pasti perkataan yang tidak dijelas. ▪ Dr. Azree mengarahkan untuk menyiapkan dan menghantar artikel
Tindakan	▪ Menghubungi Haji Ali Bin Naam untuk menetapkan tarikh perjumpaan ▪ Datang ke rumahnya pada pukul 2 petang dan bertanyakan mengenai perkataan yang tidak jelas ▪ Berjumpa untuk memastikan bahawa perkataan yang disebutkan di dalam audio rakaman itu betul. ▪ Menandatangani surat perjanjian. ▪ Menyiapkan artikel dan menghantar

MINGGU 15	
Masa	10.00 Pagi , 2 Petang
Tarikh	13/11/2017
Tempat	Bilik Pensyarah, MK 5 dan Fasa 5
Peristiwa	▪ Dr. Azree mengarahkan kami untuk
Tindakan	▪ Mengambil surat perjanjian yang telah di tandatangani oleh Dr. Azree. ▪ Menyiapkan transkrip dan memeriksa tanda baca, perkataan dan sebagainya ▪ Menyelesaikan tugas yang tertangguh ▪ Menyiapkan '<i>slide presentation</i>'.

Gambar dan Sijil




Buku yang di rujuk oleh Haji Ali Bin Naam untuk menerangkan berkenaan suku



Buku tulisan tangan yang hanya di miliki oleh Dato' Shah Bandar Haji Ali Bin Naam berkenaan Jempol




Maklumat dari internet yang menyebutkan mengenai Sejarah Jempol melalui Dato’ Shah Bandar Haji Ali Bin Naam




Sejarah pembukaan Jempol yang di tulis oleh Rashidi Bin Zainal Abidin



Gambar temu bual pertama



Gambar temu bual kedua



Bukti panggilan telepon
bersama tokoh



Sijil Pelantikan



Watikah Pelantikan Penyandang Pusaka Dato' Lembaga Adat Perpatih, Luak Jempol Negeri Sembilan

Sijil Anugerah



Sijil Anugerah Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN,
WISMA NEGERI,
JALAN DATO' ABDUL MALIK,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.



Tel: 06-7622311
Fax: 06-7634043/06318776-0815

١٨
معينة ستاوسا كرايان.
نكري ملن.
وسما نكري.
حالي دانوق عبدالملك.
٢٠٥٠٣ س.ر.م.
نكري ملن دارالحصرم

TUAN HJ. ALI BIN NAAM,
NO. 29, KG. KUALA SIANG,
72100 BATAU, NS.

Raj. Tuan

Raj. Kumi (10) dlm SUK NS200(03)(S)66/1 1997

Tarikh 5 Julai 1997

Y M. Tunku/Y B/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT SEMPENA HARI
ULANG TAHUN KEPUTERAAN PADUKA SERI TUANKU YANG DI PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS YANG KE 75 PADA 19 JULAI 1997**

Adalah saya dengan segala hormatnya memaklumkan bahawa Paduka Seri Tuanku Yang Di
Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dengan sukacitanya telah berkenan mengurniakan
Darjah Kebesaran/Bintang/Pingat:

KHIDMAT CEMERLANG MASYARAKAT (P.M.C.)

Kepada Y M. Tunku/Y B/Dato'/Tuan/Puan sempena menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan
Baginda Yang ke 75 pada 19 Julai, 1997 ini

2. Oleh yang demikian sukacita saya mengetahui sama ada Y M. Tunku/Y B/Dato'/Tuan/
Puan sudi menenma kurniaan ini

3. Bagi melicinkan urusan yang berkaitan, maka adalah diharapkan supaya Y M. Tunku/
Y B/Dato'/Tuan/Puan dapat membenkan jawapan dengan segera menggunakan borang yang
dilampirkan bersama-sama ini

4. Walau bagaimanapun memandangkan masa yang begitu terhad maka Y M. Tunku/Y B/
Dato'/Tuan/Puan bolehlah berhubung terus dengan mana-mana Pegawai berikut dan menyatakan
'SAYA TERIMA' iaitu

4.1 En. Mustapha b. Md. Omar	} No. Telefon :	
4.2 En. Mohd. Ariff b. Kamarudin		
4.3 En. Kamarulzaman b. Hj. Awaluddin		
		7623761(T) / 7622311
		Samb. 1262 / 1308

5. Jika jawapan lisan telah diberikan, maka borang yang telah dipenuhi bolehlah
dihantar kemudian

6. Kandungan surat ini adalah diminta dirahsiakan sehingga penganugerahan diisytiharkan
pada 19 Julai 1997 nanti

7. Sukacita juga saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas kurniaan
yang dianugerahkan itu

Sekian

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHAMMAD SHAIB BIN MOHD. TAUFFEK)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Surat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat:

Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC)

Sijil Penghargaan lain



Sijil Penghargaan sebagai Ketua UMNO Cawangan



Sijil Penyerahan Kursus Pelan Pembangunan Kampung

Sijil Penghargaan

dianugerahkan kepada

**DATO' SHAHBANDAR HJ. ALI BIN NAAM
(NO. K/P : 390801-05-5105)**

di atas sumbangan dan pembabitan dalam menjayakan

**SEMINAR THINK TOURISM 2006
PERINGKAT DAERAH JEMPOL**

Tarikh

11 DISEMBER 2006

Sempat

HOTEL ERA, BAHAU



YAB. DATO' SERI UTAMA HJ. MOHAMAD BIN HJ. HASAN
Menteri Besar Negeri Sembilan



Sijil Penghargaan Seminar Think Tourism Peringkat Jempol